

## Pemikiran Fakhr al-Dīn al-Rāzī Tentang *al-Ism al-A‘zam* Bagi Allah SWT

Muhamad Basthami Abdullah

Universiti Malaya, muhamadbasthami@siswa.um.edu.my

Mohd Fauzi Hamat

Universiti Malaya, mfhamat@um.edu.my

### Abstrak

Makalah ini membincangkan *al-Ism Allāh al-A‘zam*<sup>1</sup> berdasarkan huraian dan interpretasi Imām Fakhr al-Dīn Al-Rāzī (m. 606) tentang nama Allah yang agung dalam kitabnya *Lawāmi‘ al-Bayyināt Sharḥ Asmā‘ Allāh Ta‘ālā wa al-Šifāt*<sup>2</sup> dan kitab tafsirnya *Mafātīh al-Ghayb*<sup>3</sup>. Pandangan beberapa ulama *mutakallimin* mengenai isu ini juga akan turut dikemukakan sebagai perbandingan. Ini adalah untuk melihat kesatuan fikrah dan kesinambungan huraian ulama *Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah* menyentuh isu ini, bermula dari al-Zajjāj (m. 311 H) hingga Fakhr al-Dīn al-Rāzī (m. 606H). Kerana ada persamaan fakta yang dinyatakan. Antara perkara-perkara yang akan disentuh dalam kajian ini ialah pandangan ulama tentang *al-Ism Allāh al-A‘zam* dari sudut makna dan penentuan nama-nama tersebut. Selain itu, Makalah ini juga mengkaji dalil dan hujah yang digunakan oleh para ulama bagi menyokong pendapat mereka dalam isu ini berdasarkan kitab al-Rāzī. Makalah ini menyimpulkan bahawa *al-Ism Allāh al-A‘zam* ialah nama *Allāh* berdasarkan hujah-hujah al-Qur'an, al-Sunnah dan akal.

**Kata kunci:** *al-Asmā‘ al-Husnā*, *al-A‘zam*, *Allāh*, Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *Lawāmi‘ al-Bayyināt*, *Mafātīh al-Ghayb*

<sup>1</sup> Ungkapan ini bermaksud, *Nama Allah Yang Paling Agung*. Perkataan *al-A‘zam* boleh diterjemah, paling besar, terutama, yang tertinggi, teristimewa, terkemuka, terutama. Lihat *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Putaka, 2007), 15-16.

<sup>2</sup> Kitab yang akan dirujuk dalam makalah ini ialah *Lawāmi‘ al-Bayyināt Sharḥ Asmā‘ Allāh Ta‘ālā wa al-Šifāt*, karangan Fakhr al-Dīn Muhammad bin ‘Umar bin al-Hasan al-Rāzī. Kitab ini telah diedit oleh Tahā Abd al-Ra‘uf Sa‘d dan diterbitkan oleh Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, pada tahun 2000.

<sup>3</sup> Fakhr al-Dīn Muhammad bin ‘Umar bin al-Hasan, *Mafātīh al-Ghayb* (Beirut: Dār Ihyā‘ al-Turāth al-‘Arabī, 1999). Kitab yang diterbitkan oleh Dār Ihyā‘ al-Turāth al-‘Arabī, Beirut ini akan menjadi rujukan makalah ini.

### ***Fakhr al-Dīn al-Rāzī’s Thought on al-Ism al-A‘zam of Allah***

#### ***Abstract***

*This article discusses al-Ism Allāh al-A‘zam based on the description and interpretation of Imām Fakhr al-Dīn al-Rāzī (d. 606) about God’s beautiful names in his Lawāmi‘ al-Bayyināt Sharḥ Asmā’ Allāh Ta‘ālā wa al-Šifāt and his Mafātiḥ al-Ghayb. Muslim theologian views on this issue will also be studied for comparison. This is to see the unity and continuity in term of idea that has been discussed in Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah discourse touching this issue, starting from al-Zajjāj (d. 311 H) to Fakhr al-Dīn al-Rāzī (d. 606 H). Among the matters to be covered in this study are the views of scholars of al-Ism Allāh al-A‘zam from the point of meaning and determination of these names. In addition, this article also examines the arguments used by Muslim scholars to support their opinion on this issue based as discussed in al-Razi’s Lawāmi‘ al-Bayyināt. The article concludes that Allah is al-Ism Allāh al-A‘zam based on al-Quran, the Sunnah and rational.*

**Keywords:** al-Asmā’ al-Husnā, al-A‘zam, Allāh, Fakhr al-Dīn al-Rāzī, Lawāmi‘ al-Bayyināt, Mafātiḥ al-Ghayb

#### **Pendahuluan**

Dunia ini dicipta dan ditadbir oleh kuasa yang maha agung dan tiada siapa yang dapat menandinginya. Pencipta itu ialah Allah SWT yang dapat dikenali melalui wahyu yang diturunkan kepada rasul-rasulNya. Antara cara untuk mengenalNya adalah dengan memahami nama-namaNya yang indah yang dikenali sebagai *al-Asmā’ al-Husnā*. Pemahaman terhadap nama-nama ini mampu memberi kesan yang sangat baik kepada kehidupan insan. Penjelasan makna dan erti yang tepat terhadap nama-nama ini sememangnya mendapat perhatian para ulama Islam seperti al-Zajjāj (m. 311 H), al-Jaṣṣāṣ (m. 370 H), al-Khaṭṭābī (m. 388 H), Ahmad bin al-Husayn al-Bayhaqī (m. 458 H)<sup>4</sup>, al-Qushayrī (m. 465 H), al-Ghazālī (m. 505 H), Fakhr al-Dīn al-Rāzī (m. 606 H) dan ramai lagi. Kajian ini cuba menyingkap pemikiran al-Rāzī

---

<sup>4</sup> Beliau ialah Ahmad bin al-Husayn Abū Bakr al-Bayhaqī (384-458 H/ 994-1066 M), seorang ahli hadith yang masyhur. Antara karya beliau ialah *al-Asmā’ wa al-Šifāt*, *Dalāil al-Nubuwah* dan lain-lain. Lihat ‘Abd Allāh bin Muhammad al-Hashidī (ed.), *al-Asmā’ wa al-Šifāt* (Jeddah: Maktabah al-Siwadi, 1993), 1:15 dan Khayr al-Dīn bin Maḥmud al-Ziriklī, *al-A‘lam* (Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, 2002), 1:116.

tentang huraian *al-Asmā’ al-Ḥusnā* khasnya yang menyentuh *al-Ism Allāh al-A’zam*.

### Fakhr al-Dīn al-Rāzī dan Sorotan Ketokohnanya dalam Akidah

Subtopik ini akan membincangkan sorotan ringkas tentang Fakhr al-Dīn al-Rāzī dan ketokohnanya dalam akidah. Antara yang akan disentuh ialah latar belakang beliau dan penguasaannya dalam bidang keilmuan yang terserlah menerusi sumbangannya dalam penghasilan karya ilmiah dalam beberapa bidang ilmu, khususnya akidah.

Ahli sejarah sepakat mengenai nama al-Rāzī, beliau ialah Muḥammad bin ‘Umar bin al-Ḥusayn bin al-Ḥasan al-Qurashī al-Taymī al-Bakrī al-Ṭabrastānī al-Rāzī<sup>5</sup>. *Kuniyah* beliau ialah Abū ‘Abd Allāh dan Abū al-Ma‘ālī. Gelaran beliau ialah Fakhr al-Dīn al-Rāzī dan terkenal dengan julukan Fakhr al-Rāzī<sup>6</sup>. Beliau juga dikenali juga sebagai Ibn al-Khaṭīb atau Ibn Khaṭīb al-Ray kerana ayahnya, Diyā’ al-Dīn adalah Khatib di Masjid al-Ray. Beliau juga diberi gelaran *Shaykh al-Islām* di Hirah<sup>7</sup>. Al-Rāzī berketurunan Quraysh kerana nasabnya bersambung kepada Abū Bakr al-Siddīq<sup>8</sup>.

Beliau dilahirkan di bandar Ray<sup>9</sup> pada 25 Ramadan 544 H/1149 M berdasarkan pendapat yang kuat. Ini berdasarkan kepada kata-kata Fakhr al-Dīn Al-Rāzī sendiri dalam kitab Tafsirnya *Mafātīḥ al-Ghayb* ketika mentafsir ayat 42, surah Yusuf,

<sup>5</sup> Lihat Mohd Manawi Mohd Akib, “Penghuni Syurga Menurut Pandangan Fakhr al-Dīn al-Rāzī: Tumpuan Terhadap Kitab *Mafātīḥ al-Ghayb*”, *Jurnal Usuluddin* 35 (Januari – Jun 2012), 25-46.

<sup>6</sup> Isma‘il bin ‘Umar Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, ed. ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muhsin al-Turkī (Gaza: Dār Hijr li al-Tibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-I‘lān, 1997), 17:11.

<sup>7</sup> Lihat Ahmād binMuhammad Ibn Khallikān, *Wafayāt al-A‘yān wa Anbā’ Abnā’ al-Zamān*, ed. Ihsan ‘Abbas (Beirut: Dār Ṣādir, 1994), 4: 250.

<sup>8</sup> Lihat Abū al-Faḍl ‘Abd al-Rahmān bin Abū Bakr al-Suyūṭī, *Tabaqāt al-Mufassirīn*, ed. ‘Ali Muḥammad ‘Umar (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1396) 1:115 dan al-Dāwudī, Shams al-Dīn, Muḥammad bin ‘Alī, *Tabaqāt al-Mufassirīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 2:216.

<sup>9</sup> Bandar Ray ialah sebuah bandar yang terletak di barat laut kota al-Jibal. Ia berhampiran ibu negara Iran sekarang, Tehran. Di kalangan orang Yunani, ia terkenal dengan nama Raxes. Lihat *Ta‘rif bi al-A‘lām al-Waridah fī al-Bidāyah wa al-Nihāyah li Ibn Kathīr* (Maktabah Shamilah, Edisi 2), 1:185.

“Sekarang saya telah mencapai umur 57 tahun”. Ketika beliau menulis fakta ini, ia bertarikh tujuh Sha‘bān, tahun 601 Hijrāh<sup>10</sup>. Beliau kemudiannya berpindah ke Khawārizmī dan berkhidmat disana serta mendapat layanan yang baik daripada pemerintah. Beliau meninggal dunia di bandar Hijrāh pada hari Isnin 1 Syawwāl 606 H/ 29 Mac 1210 M<sup>11</sup>, kerana diracun oleh golongan al-Karrāmiyyah.

Al-Karrāmiyyah adalah pengikut Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Karrām al-Sijistānī (m. 255 H) yang pernah berkata dalam kitabnya ‘Adhāb al-Qabr, “Allah adalah *al-jawhar*” dan “Allah adalah duduk di atas *al-‘arsh* dan Dia menyentuh *al-‘Arsh* di bahagian atas”. ‘Abd al-Qāhir bin Tāhir al-Baghdādī (m. 429 H) memberi penerangan lengkap berkenaan doktrin mereka di dalam *al-Farq Bayn al-Firāq*, antaranya:

1. Mendakwa bahawa Tuhan yang disembah adalah berjisim dan jisimnya boleh ditentukan hadnya. Kepercayaan ini menyerupai kepercayaan penyembah berhala.

2. Menyatakan bahawa Allah SWT *al-māṣah*, iaitu bersentuhan dengan *al-‘Arsh* dan *al-‘Arsh* adalah tempat bagi Allah SWT. Kemudian mereka menukar istilah ini dengan ungkapan *al-Mulāqah li al-‘Arsh*, dan mereka berkata: “Tidak sah wujud sesuatu jisim pun antara Allah dan *al-‘Arsh*”.

3. Mereka mendakwa bahawa iman ialah *al-iqrār* (pengakuan) sahaja sama ada seseorang itu ikhlas atau munafiq.

Ibn Kathīr menyatakan bahawa golongan al-Karrāmiyyah juga berpandangan bahawa harus memalsu dan mencipta hadith Rasulullah SAW dan para sahabat baginda<sup>12</sup>. Golongan ini

<sup>10</sup> Lihat al-Rāzī, *Mafātiḥ al-Ghayb* atau *al-Tafsīr al-Kabīr* (Beirut: Dār Ihyā’ al-‘Arabī, 1999), 18:462. Berdasarkan catatan Ibn al-Athīr, al-Rāzī lahir pada tahun 543 Hijrah. Lihat ‘Ali bin Muḥammad Ibn al-Athīr, *Al-Kāmil fi al-Tārīkh*, ed. ‘Umar ‘Abd al-Salam (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1997), 10:275 dan Ibn Khallikān, *Wafayāt*, 4: 252.

<sup>11</sup> Lihat Ibn Qadī Shuhbah (851H/1447M), Abū Bakr bin Ahmad bin Muḥammad, *Tabaqāt al-Shāfi‘iyyah*, ed. al-Hāfiẓ ‘Abd al-‘Alīm Khān (Beirut: ‘Alam al-Kutub, 1986), 2:66.

<sup>12</sup> Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Nihāl*, ed. Muḥammad Farid (Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyah, t.t.), 1:122-123; ‘Abd al-Qāhir bin Tāhir al-Baghdādī, *al-Farq Bayna al-Firāq wa Bayān al-Firqah al-Nājiyah* (Beirut: Dār al-Afāq al-Jadīdah, 1977), 203-205 & 343 dan Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, 14:515-517.

diperangi oleh Fakhr al-Dīn al-Rāzī habis-habisan<sup>13</sup>. Jenazah beliau dikebumikan di Bukit al-Maṣaqib di sebuah kampung yang bernama Muzdākhān yang terletak luar bandar Hirah.<sup>14</sup>

Al-Rāzī merupakan ulama yang menguasai pelbagai bidang ilmu sama ada ‘aqli dan naqli. Beliau terkenal seorang ahli tafsir, kalam, fikah, usul, sasterawan, penyair dan doktor. Beliau juga merupakan ulama yang menonjol pada zamannya dalam bidang ilmu ‘aqli dan naqli, syariah, undang-undang dan fizik<sup>15</sup>. Beliau juga dikatakan seorang mujaddid pada kurunnya iaitu kurun ke 600 Hijrah<sup>16</sup>. Beliau mempelajari dan menguasai semua disiplin ilmu yang terdapat pada zamannya serta menghasilkan karya ilmiah bagi setiap bidang tersebut.

Menurut Ibn Kathīr, al-Rāzī telah mengarang hampir 200 buah kitab sama ada bersaiz besar atau kecil<sup>17</sup>. Al-Rāzī terkenal dalam bidang ilmu usuluddin dan usul fikah sehingga ulama-ulama dalam dua bidang ilmu ini memberi gelaran *al-Imām* kepadanya<sup>18</sup>, namun beliau lebih menonjol dalam bidang ilmu kalam dan falsafah sehingga ada yang memberi gelaran *Sūlṭān al-Mutakallimīn* kepadanya<sup>19</sup>. Al-Rāzī mempelajari ilmu kalam dan

<sup>13</sup> Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, 17:12.

<sup>14</sup> Ibn Khallikān (m. 681 H), *Wafayāt*, 4: 252.

<sup>15</sup> Jamāl al-Dīn Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Yūsuf al-Qiftī, *Akhbār al-‘Ulamā’ bi Akhyār al-Ḥukamā’*, ed. Ibrāhīm Shams al-Dīn (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2005), 1:219-222.

<sup>16</sup> Al-Dāwūdī, *Tabaqāt al-Mufassirīn*, 2:216. Fakta Ini berdasarkan hadith Nabi Muhammad SAW yang mafhumnya mengatakan bahawa Allah mengutuskan kepada umat ini seorang mujaddid pada setiap seratus tahun. Sebahagian ulama menamakan mujaddid abad pertama ialah ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz (m.101H), abad kedua; Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī (m.204H), abad ketiga; Ahmad bin Sarīj (m.306H), abad keempat; Abū Bakr al-Bāqillānī (m.403H), abad kelima; Abū Hāmid al-Ghazālī (m.505H), abad keenam; Fahkr al-Dīn al-Rāzī (m.606H). Namun terdapat perbezaan pendapat yang besar dalam kalangan ulama dalam menyenaraikan mujaddid pada setiap abad. Lihat Fatḥ Allāh Khalīf, *Fakhr al-Dīn al-Rāzī* (t.t.p.: Dār al-Ma‘ārif, 1969), 1, 6 dan 7.

<sup>17</sup> Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, 17:11.

<sup>18</sup> Lihat Tāj al-Dīn bin ‘Alī bin ‘Abd al-Kāfi al-Subkī, *Tabaqāt al-Shāfi‘iyyah al-Kubrā*, ed. Maḥmūd Muḥammad al-Tinahī (t.t.p.: Hījr li al-Tibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1992), 8:81 dan Abū Bakr bin Ahmad bin Muḥammad Ibn Qādhī Shuhbah (m. 851H / 1447M), *Tabaqāt al-Shāfi‘iyyah*, ed. al-Hāfiẓ ‘Abd al-‘Alīm Khan (Beirut: ‘Alam Al-Kutub, 1986), 2:65.

<sup>19</sup> Lihat Ibn Kathīr, *Tabaqāt al-Fuqahā’ al-Shāfi‘iyyīn*, ed. ‘Anwār al-Bāz (Mansurah: Dār al-Wafā’, 2004), 1:778 dan al-Dāwūdī, *Tabaqāt al-Mufassirīn*, 2:216.

falsafah serta karya ibn Sinā dan Abū Naṣr Muḥammad bin Muḥammad al-Farābī daripada Majd al-Dīn al-Jīlī, Shams al-Dīn.

Menurut Ibn Kathīr, al-Rāzī tekun dalam mempelajari ilmu kalam dan mempunyai daya hafalan yang kuat sehingga dikatakan beliau telah menghafal kitab *al-Shāmil*, karangan Ḏiyā’ al-Dīn ‘Abd al-Mālik bin Yūsuf al-Juwaynī, Imām al-Haramayn dalam bidang ilmu kalam. Beliau juga telah menyusun beberapa buah kitab dalam bidang ini, antaranya; *al-Ma‘ālim fi Uṣūl al-Dīn*, *Sharḥ al-Ishārāt* dan lain-lain<sup>20</sup>.

Al-Qiftī merakamkan bahawa al-Rāzī turut menguasai ilmu kedoktoran dan pernah menghuraikan kitab *al-Qānūn fi al-Tibb*, karangan Abū al-Ḥusayn bin ‘Abd Allāh bin Sinā (m. 428 H/ 980-1037 M). Beliau menghadiahkan kitab huraian *al-Qānūn fi al-Tibb* yang bertajuk *Sharḥ Kulliyāt al-Qānūn fi al-Tibb* tersebut kepada seorang doktor yang terkenal pada waktu itu iaitu ‘Abd al-Rahmān bin ‘Abd al-Karīm al-Sarakhsī semasa al-Rāzī menziarahi beliau ketika dalam perjalannya ke negara *Mā Warā’ al-Nahr* yang terletak di Asia tengah atau sekarang dikenali dengan nama Turkistan atau Khurasan<sup>21</sup> pada tahun 580 H. Selain kitab ini, beliau juga menulis buku perubatan lain berjudul “*Masāil fi al-Tibb*”. Lantaran itu, Ahmad bin al-Qāsim (m. 668 H), penulis kitab ‘*Uyūn al-Anbā’ fi Tabaqāt al-Atibbā’* menyenaraikan beliau di kalangan tokoh perubatan terkenal<sup>22</sup>.

Al-Rāzī menguasai bahasa Arab dan Parsi dengan baik serta turut menghasilkan karya dan syair dalam kedua-dua bahasa

<sup>20</sup> Kitab beliau yang lain, *Muhaṣṣal Afkār al-Mutaqaddimīn wa al-Muta’akhkirīn min al-Ulamā’ wa al-Hukamā’ wa al-Mutakallimīn*, *Ta’sīs al-Taqdīs*, *al-Arba’ūn fi ‘Ilm al-Kalām*, *Nihāyah al-Uqūl*, *al-Maṭālib al-Āliyah*, dan lain-lain. Lihat Ibn Kathīr, *Tabaqāt al-Fuqahā’ al-Shāfi‘iyīn*, 2:305 dan 307.

<sup>21</sup> Orang Islam menyebut nama lain tempat ini ialah Heptalirtes, kawasan ini terkenal dengan Negara Turkistan atau Asia Tengah. Selepas kajatuhan kesatuan Soviet, kawasan ini terbahagi kepada beberapa wilayah iaitu Kazakhstan, Kyrgyzstan, Tajikistan, Turkmenistan, dan Uzbekistan. Lihat *Mujaz an al-Futūhāt al-Islamiyyah*, 7

<sup>22</sup> Huraian kitab *Qānūn fi al-Tibb* yang diberi nama *Sharḥ Kulliyāt al-Qānūn* adalah hasil perbincangan al-Rāzī dan ‘Abd al-Rahmān bin ‘Abd al-Karīm al-Sarakhsī, seorang doktor yang warak dan terkenal di Sarakhsī. Lihat al-Qiftī, *Akhbār al-Ulamā’ bi Akhyār al-Hukamā’*, 1:175 & 220 dan Ahmad bin al-Qāsim bin Khalīfah (m. 668H), ‘*Uyūn al-Anbā’ fi Tabaqāt al-Atibbā’*, ed. Nazar Rida (Beirut: Dār Maktabah al-Ḥayah, t.t.), 1:470.

tersebut, antaranya kitab *Sharḥ al-Mufassal*<sup>23</sup>. Al-Qiftī mencatatkan bahawa al-Rāzī mempelajari dan mahir dalam ilmu Yunani atau ‘ulūm al-awā’il pada zamannya<sup>24</sup>. Imām al-Rāzī menulis dalam kitabnya *Taḥṣīl al-Haqq*, beliau mempelajari ilmu usuluddin daripada bapanya iaitu DīYā’ al-Dīn ‘Umar, dan sanad penerimaan ilmu ini sampai kepada Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī. Dari aspek disiplin ilmu fikah pula, sanadnya sampai kepada Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī<sup>25</sup>. Ibn Khaldun menyatakan bahawa al-Ghazālī dan al-Rāzī merupakan tokoh yang terkehadapan dalam memperkenalkan ilmu Falsafah dan mantik dalam kajian akidah Islam<sup>26</sup> secara umum dan aliran al-Ashā‘irah khasnya.

Oleh yang demikian, pandangan al-Rāzī berkenaan *al-Ism Allāh al-Aṣam* daripada *al-Asmā’ al-Husnā* serta maknanya merupakan sebahagian daripada perbahasan akidah dan ilmu Kalam. Justeru, penulis merasakan perlu diketengahkan perbincangan ini kerana huraian beliau lebih tersusun dan dalil-dalil yang dikemukannya lebih menyeluruh meliputi naqli dan aqli serta membuat kritikan terhadap dalil-dalil tersebut berbanding dengan sesetengah ulama mutakallimin sebelum beliau. Ini dapat dilihat daripada kupasan beliau tentang *al-Ism al-Aṣam* berdasarkan penelitian terhadap ayat-ayat al-Qur'an, hadith Nabawi dan pandangan ulama sebelumnya, sebagaimana yang diabadikan dalam kitabnya *Lawāmi‘ al-Bayyināt Sharḥ Asmā’ Allāh Ta‘ālā wa al-Sifāt*. Sebelum diulas topik ini dengan lebih terperinci, penulis bentangkan dahulu pengenalan kitab beliau yang dimaksudkan.

### **Kitab Lawāmi‘ al-Bayyināt Sharḥ Asmā’ Allāh Ta‘ālā wa al-Sifāt**

Perbahasan *al-Ism Allāh al-Aṣam* dalam makalah ini difokuskan kepada pandangan al-Rāzī yang petik dari kitab beliau *Lawāmi‘ al-Bayyināt Sharḥ Asmā’ Allāh Ta‘ālā wa al-Sifāt* dan

<sup>23</sup> Al-Dāwūdī, *Tabaqāt al-Mufassirīn*, 2:218.

<sup>24</sup> Al-Qiftī, *Akhbār al-‘Ulamā’ bi Akhyār al-Hukamā’*, 1:219-220.

<sup>25</sup> Lihat Ibn Khallikān, *Wafayāt al-A‘yān wa Anbā’ Abnā’ al-Zamān*, 4: 252.

<sup>26</sup> ‘Abd al-Rahmān bin Muḥammad ibn Khaldūn, *Dīwān al-Mubtadā’ wa al-Khabar fī Tārīkh al-‘Arab wa al-Barbar wa ‘Āṣarahum min Dhawī al-Sha‘n al-Akbar*, ed. Khalil Shahadah (Beirut: Dār al-Fikr, 1988), 1:590.

dibandingkan dengan kitab tafsir beliau *Mafātīḥ al-Gayb*. Kitab *Mafātīḥ al-Ghayb* terdiri daripada lapan jilid yang besar dan ia juga dikenali dengan nama *Tafsīr al-Kal-Qādī r*. Terdapat beberapa pandangan ulama berkenaan kitab ini. Pertama; Taqī al-Dīn Ahmad ibn Taymiyyah (1263-1328 M) mengatakan bahawa, “terdapat semua ilmu dalamnya kecuali tafsir”. Begitu pun, pandangan ibn Taymiyyah ini didapati begitu jauh berbeza dengan pandangan majoriti tokoh lain yang dapat dilihat seterusnya. pandangan kedua; Tāj al-Dīn Al-Qādī Naṣr ‘Abd Wahāb bin Taqī al-Dīn al-Subkī pula menjelaskan bahawa, “Terdapat semua ilmu dalamnya bersama tafsir”. Pandangan kedua ini disokong oleh Fatḥ Allāh Khalīf ketika beliau mengulas kitab tafsir tersebut. Kitab tafsir ini tidak asing dari kalangan penuntut ilmu di tanah air kita.<sup>27</sup>

Kitab *Lawāmi‘ al-Bayyināt Sharh Asmā’ Allāh Ta‘ālā wa al-Ṣifāt* atau *Sharh Asmā’ Allāh al-Husnā*<sup>28</sup> pula merupakan sebuah karya besar yang telah dihasilkan oleh Fakhr al-Dīn al-Rāzī. Ia terdiri daripada satu jilid yang besar. Kitab ini terbahagi kepada tiga bahagian, bahagian pertama *Fī al-Mabādī wa al-Muqaddimāt* (Pada Menyatakan Pendahuluan dan Mukadimah) yang mengandungi 10 fasal. Bahagian ini lebih membincangkan perbezaan *al-tasmiyyah*, *al-ism* dan *al-musammā* dan *firqah* umat Islam yang terlibat membincangkan *Asmā’ Allāh*<sup>29</sup>. Bahagian kedua, *fī al-Maqāṣid* (Pada Menyatakan Maksud dan Tujuan) yang menghuraikan nama-nama Allah SWT yang indah satu persatu berdasarkan susunan Hadith Imām al-Tirmizi. Bahagian ketiga pula bertajuk *fī al-Lawāhiq wa al-Mutammimāt* (Pada Menyatakan Perkara-Perkara Lampiran dan penyempurnaan) yang mengandungi dua fasal. Fasal pertama menjelaskan nama-nama Allah SWT yang berkait dengan nama-nama Zat seperti *al-Shay'*, *al-Qadīm*, dan *al-Azallī*. Manakala Fasal kedua pula berkait dengan nama-nama yang berkaitan dengan sifat-sifat *al-Ma‘nawī* seperti *al-Muḥīṭ*, *al-Qarīb* dan *al-Mudabbir*.

<sup>27</sup> Lihat Mohd Manawi Mohd Akib, Penghuni Syurga Menurut Pandangan Fakhr al-Dīn al-Rāzī: Tumpuan Terhadap Kitab *Mafātīḥ Al-Ghayb*, 35: 25-46.

<sup>28</sup> Ibn Khallikān, *Wafayāt al-A‘yān wa Anbā’ Abnā’ al-Zamān*, 4: 249.

<sup>29</sup> Lihat al-Rāzī, *Lawāmi‘ al-Bayyināt Sharh Asmā’ Allāh Ta‘ālā wa al-Ṣifāt*, 26-30.

Fakhr al-Dīn al-Rāzī menjelaskan tujuan beliau menganalisis kitab ini. Katanya, “Dan dari sejumlah pemberian nikmat-nikmat yang agung dan besar itu adalah sesungguhnya Allah SWT memberi taufiq kepada saya untuk meneliti huraian nama-nama Allah Ta‘ala dan sifat-sifatNya”<sup>30</sup>. Tulisan ini menunjukkan bahawa beliau ingin menyemak dan meneliti kembali huraian *al-Asmā’ al-Husnā* yang telah dibuat oleh ulama-ulama sebelum beliau. Kitab ini ditulis oleh beliau sebelum beliau menulis kitab tafsirnya, *Mafātīh al-Ghayb*. Ini berdasarkan fakta bahawa beliau menyarankan agar pembaca merujuk kepada kitab *Lawāmi’* untuk memahami tentang nama-nama Allah. Ini dinyatakan oleh beliau ketika mentafsir ayat 180, surah al-A‘raf dan ayat 8, surah Taha<sup>31</sup>.

Tahā ‘Abd al-Ra‘ūf Sa‘d telah membuat kajian ilmiah dan suntingan terhadap kitab ini. Kajiannya diterbitkan oleh Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, Kaherah, Mesir. Setelah penelitian dibuat terhadap keseluruhan kitab ini, beliau berpandangan bahawa kitab ini melambangkan penguasaan pengarangnya, iaitu Fakhr al-Dīn al-Rāzī dalam isu yang dibincangkan, iaitu *al-Asmā’ al-Husnā* berdasarkan kajian dan rujukan yang dibuat terhadap pandangan para ulama sebelumnya dan ia juga boleh menjadi panduan kepada pengkaji selepasnya.<sup>32</sup>

Hasil penulisan al-Rāzī ini terkenal dalam kalangan para ulama, khususnya karya-karya akidah beliau, termasuk yang membincangkan *al-Asmā’ al-Husnā*. Kitab ini turut disenaraikan dalam senarai kitab-kitab beliau yang terkenal. Antara ulama yang menyenaraikan kitab ini ketika menulis biografi beliau ialah al-Qiftī, Ahmad bin al-Qāsim bin Khalīfah (m. 668 H), Ibn Khallikān (m. 681 H), Haji Khalīfah (m. 1067 H) dan al-Ziriklī (m.1396 H).<sup>33</sup>

Makalah ini memberi tumpuan secara khusus terhadap huraian *al-Ism al-A‘zam* bagi Allah SWT oleh Fakhr al-Dīn al-

<sup>30</sup> Al-Rāzī, *Lawāmi’ al-Bayanāt*, 14.

<sup>31</sup> Al-Rāzī, *Mafātīh al-Ghayb*, 15:412 dan 22:15.

<sup>32</sup> Al-Rāzī, *Lawāmi’ al-Bayyināt*, 3.

<sup>33</sup> Al-Qiftī, *Akhbār al-‘Ulamā’ bi Akhyār al-Hukamā’*, 1:470; Ahmad bin al-Qāsim bin Khalīfah, ‘Uyūn al-Anbā’ fi Ṭabaqāt al-Atibbā’, 1:470; Ibn Khallikān, *Wafayāt al-A‘yān wa Anbā’ Abnā’ al-Zamān*, 4: 249; Mustafā bin ‘Abd Allāh Hāji Khalīfah, *Kashf al-Zunūn ‘an Asāmī al-Kutub wa al-Funūn* (Baghdad: Maktabah al-Mathna, 1941), 2:1035 dan 1569. Al-Ziriklī, *al-A‘lām*, 6:313.

Rāzī berdasarkan kitab beliau ini. Perbincangan tentang topik ini terdapat pada bahagian pertama kitab ini iaitu dalam Fasal kesepuluh yang bertajuk *Fi Tafsīr al-Ism al-A‘ẓam li Allāh Subḥānahu wa Ta‘ālā*<sup>34</sup>.

### ***Al-Ism al-A‘ẓam dalam Wacana Ulama***

Para ulama telah memberi perhatian tentang *al-Ism al-A‘ẓam*<sup>35</sup> bagi Allah SWT. Ini dapat dilihat dalam karya-karya mereka yang membincangkan isu ini. Topik ini bukan sahaja dibahaskan oleh ulama *mutakallimin* sahaja, malahan juga ulama yang tidak termasuk dalam kategori *mutakallimin* seperti ulama hadith, misalnya al-Nawāwī (m. 676H)<sup>36</sup>, Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (773-852H)<sup>37</sup> dan al-Suyūṭī (m. 911H)<sup>38</sup>. Al-Suyūṭī menyenaraikan

---

<sup>34</sup> Muṣṭafā bin ‘Abd Allāh Hāji Khalīfah, *Kashf al-Żunūn* 86-98.

<sup>35</sup> Ungkapan ini bermaksud, *Nama Allah Yang Paling Agung*. Lihat *Kamus Dewan*, ed.-4, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Putaka, 2007), 15-16, entri “agung.”

<sup>36</sup> Beliau ialah Muhy al-Dīn Abū Zakariā Yahyā bin Sharf al-Nawāwī al-Shāfi‘ī (637-676 H) yang dilahirkan di Nawā, dalam wilayah Damshiq, Sham. Al-Nawāwī terkenal sebagai seorang ahli fiqh, hadith, *hāfiẓh*, bahasa dan ilmu-ilmu yang lain. Beliau dilantik sebagai *shaykh* di Dār al-Ḥadīth selepas Shihāb al-Dīn Abī Shāmah. Beliau wafat pada tahun 14 Rajab 676 H ketika berusia 38 tahun. Antara karya beliau yang terkenal ialah: *al-Arba‘īn al-Nawāwiyyah*, *Rawdah al-Tālibīn*, *Tahdhīb al-Asmā’ wa al-Lughāt*, *al-Tibyān fi Ādāb Hamalat al-Qur‘ān* dan *Riyād al-Ṣālihihīn*. Lihat ‘Umar bin Ridā Kahālah, *Mu‘jam al-Muallifīn* (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1957), 13:20-202.

<sup>37</sup> Beliau ialah Ahmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī al-Shāfi‘ī, lahir pada 18 Zulhijjah 773 Hijrah. Beliau yang dikenali dengan Ibn Ḥajar (Shihāb al-Dīn dan Abū al-Fadl) adalah terkenal sebagai *muhaddith*, ahli sejarah, sasterawan dan penyair. Kitab karangan beliau berjumlah 150 buah. kebanyakannya dalam bidang hadith, tarikh, sastera, fiqh, usuluddin dan usul fikah. Antara kitab beliau yang terkenal sehingga sekarang ialah *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan kitab *Bulūgh al-Marām* dalam bidang Hadith. Lihat ‘Umar Bin Rida Kahālah, *Mu‘jam al-Muallifīn*, 2:20-21.

<sup>38</sup> Beliau ialah ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr al-Suyūṭī al-Shāfi‘ī (849-911 H) yang lahir dan wafat di Mesir. Beliau menguasai pelbagai bidang ilmu. al-Suyūṭī menuntut ilmu lebih dari 50 orang ulama. Setelah mencapai usia 40 tahun, beliau mengasingkan diri di rumahnya yang terletak di Rawdah al-Miqyās dan berjaya menghasilkan banyak karya yang bernilai dalam pelbagai bidang ilmu. menurut al-Dāwūdī, salah seorang muridnya, al-Suyūṭī telah menghasilkan 500 buah kitab. Beliau wafat pada 19 Jamadi al-Awwal, tahun 911 Hijrah dan dikebumikan di Hush Quwsun di luar Bāb al-Qarafah, Kaherah. Antara karya beliau yang masyhur, *al-Durr al-Manthūr fi al-Tafsīr*

pendapat ulama dalam membincangkan perkara ini kepada 20 pendapat ulama<sup>39</sup>.

Fakhr al-Dīn Al-Rāzī telah membincangkan secara khusus tentang *al-Ism al-A’zam* bagi Allah dalam kitabnya, penulis ingin meneliti pemikiran al- Rāzī tentang *al-Ism al-A’zam* dengan merujuk kepada kitab beliau, *Lawāmi‘ al-Bayyināt Sharḥ Asmā‘ Allāh Ta’ālā wa al-Sifāt*.

Dalam karyanya ini, beliau menyatakan bahawa terdapat dua golongan ulama yang membincangkan Nama Allah Yang Paling Agung. **Golongan pertama** terdiri daripada Abū Ja‘far al-Tabarī (m. 310 H/ 923 M)<sup>40</sup>, Abū al-Hasan al-Ash‘arī (m. 324 H/ 947 M)<sup>41</sup> dan sekumpulan ulama selepas mereka seperti Abū Ḥātim, Muhammad bin Ḥibbān (270-354 H/ 844-965 M)<sup>42</sup> dan al-Qādī

*al-Ma’tūr*, *al-Muzhar fi al-Lughah*, *al-Jāmi‘ al-Saghīr fi al-Hadīth* dan lain-lain. Lihat ‘Umar Bin Rida Kahālah, *Mu’jam al-Muallifin*, 5:128-129.

<sup>39</sup> ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr al-Suyūṭī, *Al-Durr al-Munaẓẓam fi al-Ism al-‘Aẓam*, *al-Ḥāwī li al-Fatāwa* (Beirut: Dār al-Fikr li al-Tibā’at wa al-Nashr, 2004), 1:472-476.

<sup>40</sup> Beliau ialah Muhammad bin Jarīr bin Yazīd al-Tabarī (225-310 H/ 839-923 M), ahli tafsir, *muhaddith*, sejarawan, ahli fiqh, ahli usul dan seorang mujtahid. al-Tabarī dilahirkan di Tabaristan pada akhir 224 H atau awal 225 H. Beliau mengembara ke banyak tempat, kemudiannya menetap di Baghdad, Iraq dan wafat di sana. Antara karya beliau yang terkenal ialah *Jāmi‘ al-Bayān fi Ta’wīl al-Qur’ān*, *Tārīkh al-Umam wa al-Mulāk*, *Tahdhīb al-Athar*, dan *Ikhtilāf al-Fuqahā‘*. Lihat ‘Umar Bin Rida Kahālah, *Mu’jam al-Muallifin*, 9:147.

<sup>41</sup> Beliau adalah ‘Alī bin Ismā‘il bin Ishāq (270-320 @ 324 H / 883-947 M). Nasab beliau sampai kepada Abu Mūsā al-Ash‘arī, sahabat Rasulullah s.w.t. yang masyhur. Beliau terkenal sebagai ulama ahli kalam. Di mana pendokong aliran al-Ashā‘irah menasabkan pengasas mereka kepada beliau. Beliau dilahirkan di Basrah, menetap dan wafat di Baghdad, Iraq. Beliau menentang golongan *al-Mulhidah*, *al-Mu’tazilah*, *al-Shi‘ah*, *al-Jahmiyyah*, *al-Khawārij* dan lain-lain. Hasil karya beliau lebih 55 buah kitab, antaranya ialah *al-Ibānah fi Uṣūl al-Diyānah*, *Maqālāt al-Islamiyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*. Lihat ‘Umar Bin Rida Kahālah, 7:35

<sup>42</sup> Beliau adalah Abū ḥātim Muhammad bin Ḥibbān bin Alḥmad al-Tamīmī al-Bustī (270-354 H/ 884-965 M) yang merupakan ulama terkenal dalam bidang hadith pada kurun keempat Hijrah. Selain itu beliau juga mahir dalam bidang sejarah, bahasa, *wā’iz* ( pemberi nasihat), perubatan, falak, falsafah dan lain-lain. Antara karya beliau ialah *al-Thiqāt*, *Ma’rifāt al-Qiblat* dan kitab hadith yang terkenal *al-Musnad al-Sahīh* atau *Sahīh Ibn Ḥibbān*. Lihat ‘Umar bin Rida Kahālah, *Mu’jam al-Muallifin*, 9:173. Lihat juga Muhammad bin Muhammad Abū Shuhbah, *al-Waṣīṭ fī ‘Ulūm wa Muṣṭalaḥ al-Hadīth* (t.p.: Dār al-Fikr al-‘Arabī, t.t.), 71.

Abī Bakr al-Bāqilānī (m.403 H/1013M)<sup>43</sup>. Mereka menyatakan bahawa tiada nama yang agung khusus untuk Allah SWT, setiap nama yang merujuk kepada Allah SWT secara mutlak adalah *al-Ism al-A‘zam*. **Golongan kedua** pula mengatakan *al-Ism al-A‘zam* adalah nama yang tertentu dan khusus. Golongan kedua ini pula terbahagi kepada dua kumpulan, **kumpulan pertama** mengatakan *al-Ism al-A‘zam* ini dapat diketahui oleh makhluk Allah SWT, manakala **kumpulan kedua** pula menyatakan *al-Ism al-A‘zam* ini tidak diketahui oleh makhluk dan ia adalah tersembunyi di sisi Allah SWT<sup>44</sup>. Selepas menyatakan golongan-golongan ulama yang membincangkan *al-Ism al-A‘zam* ini, beliau mengemukakan hujah yang dipegang oleh golongan-golongan tersebut.

### **Golongan Pertama: *Al-Ism al-A‘zam* Tidak Ditentukan**

Fakhr al-Dīn al-Rāzī menyenaraikan hujah golongan ulama pertama yang berpegang bahawa Allah SWT tidak mempunyai nama paling agung yang khusus, bahkan setiap nama yang disebutkan oleh seseorang hamba bagi merujuk kepada Allah SWT secara mutlak adalah nama Allah *al-A‘zam*. Beliau menyenaraikan tiga hujah bagi golongan ini. Hujah mereka adalah sebagai mana berikut<sup>45</sup>:

1. Setiap *ism* atau kata nama adalah perkataan yang tersusun daripada huruf-huruf tertentu yang diistilahkan bagi merujuk dan memperkenalkan sesuatu *al-musammā* (benda yang diberi nama). Oleh itu, *ism* atau kata nama pada zatnya tidak mempunyai kemuliaan, sebaliknya kemuliaan nama ini adalah kerana mulianya *al-musamma*. Kewujudan yang paling mulia dan paling sempurna ialah Allah SWT. Dengan demikian, setiap *ism* atau kata nama

<sup>43</sup> Beliau adalah Muhammad bin al-Tayyib (338-403 H/ 950-1013 M), terkenal dengan nama al-Qādī Abī Bakr al-Bāqilānī. Beliau merupakan seorang tokoh *mutakallimīn* dari kalangan al-‘Ashā’irah. Beliau dilahirkan di Basrah dan menetap di Baghdad dan mempelajari hadith di sana. Beliau menolak golongan Muktazilah, Shiah, Khawarij, Jahmiyyah dan lain-lain. Beliau wafat di Baghdad pada bulan Dhu al-Qi‘dah. Antara karya beliau *Tamhīd al-Awā’il wa Takhlīṣ al-Dalā’il*, *Ijāz al-Qur’ān* dan *Hidāyah al-Mustarshidīn fī al-Kalām*. Lihat ‘Umar bin Riqā Kahālah, *Mu’jam al-Muallifīn*, 10:109-110.

<sup>44</sup> Al-Rāzī, *Lawāmi‘ al-Bayyināt*, 86 dan Ahmad bin ‘Ali al-‘Asqalānī al-Shāfi‘ī Ibn Hajar, *Fath al-Bārī bi Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Dār al-Salam, 2000), 11:268.

<sup>45</sup> *Ibid.*, 86; al-Rāzī, *Mafātiḥ al-Ghayb*, 1:111 dan Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 11:268.

yang disebut oleh seseorang hamba terhadap TuhanYa dalam keadaan ia sedar tentang keagungan TuhanYa maka *ism* tersebut adalah *al-Ism Allāh al-A'ẓam*<sup>46</sup>.

2. Sesungguhnya Allah SWT itu adalah *fardun mahdūn* (semata-mata esa), jauh dari tersusun pada zatNya. Oleh itu, mustahil terdapat sebahagian namaNya yang merujuk kepada sejuzuk kemuliaan pada zatNya, manakala nama yang lain pula merujuk pada juzuk yang tidak mulia. Sekiranya perkara ini berlaku,sudah pasti ia sesuatu yang mustahil kerana semua nama Allah merujuk kepada zatNya yang bersifat dengan *al-wahdāniyyah al-haqīqiyyah* (keesaan yang sebenar). Oleh yang demikian, maka tertegahlah sebahagian nama Allah SWT itu menjadi *al-Ism al-A'ẓam* berbanding yang lainnya.<sup>47</sup>

3. Hujah ketiga golongan ini adalah berdasarkan *al-athar*<sup>48</sup>. Fakhr al-Dīn al-Rāzī membentangkan tiga *al-athār* menurut mereka:

a. Diriwayatkan bahawa seorang lelaki bertanya kepada Ja'far al-Ṣādiq r.a.<sup>49</sup> tentang *al-Ism al-A'ẓam*. Kata Ja'far al-Ṣādiq,

<sup>46</sup> *Ibid.*, 86 dan al-Rāzī, *Mafātīḥ al-Ghayb*, 1:111.

<sup>47</sup> *Ibid.*, 86.

<sup>48</sup> Sebahagian ulama menjadikan *al-athār* kata seerti dengan hadith sebagaimana yang terdapat dalam mukadimah *Ṣaḥīḥ Muslim*. Sebahagian ulama menyatakan *al-athār* lebih umum dari hadith, oleh itu hadith ialah apa-apa yang datang daripada Nabi SAW manakala *al-athār* meliputi apa sahaja yang datang daripada Nabi SAW dan selain baginda seperti kalangan para sahabat dan Tabi'īn. Sebahagian ulama pula membezakan antara *al-athār* dan hadith; hadith ialah apa-apa yang datang daripada Nabi s.a.w manakala *al-athar*, pula apa yang datang daripada para sahabat. Pendapat ini dinisbahkan kepada kalangan *Fuqahā' Khurasān*. Para *Fuqahā'* berkata; *al-khabar* adalah apa sahaja yang diriwayatkan daripada Nabi s.a.w manakala *al-athar* pula ialah apa sahaja yang diriwayatkan daripada para sahabat. Dalam kitab *al-Nukhbah*, karangan Ibn Hajar al-'Asqalānī, beliau menyatakan: "Dikatakan kepada hadith *al-mawqūf* dan *al-maqṭū'* sebagai *al-athar*". Pada pengamatan penulis, Fakhr al-Dīn al-Rāzī menggunakan istilah *al-athar* dalam karyanya ini berdasarkan pengertian yang dinyatakan oleh para *fuqahā'*. Lihat Muḥammad bin Muḥammad Abū Shuhbah, *al-Waṣīṭ fi 'Ulūm wa Mustalah al-Hadīth* (Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, t.t.), 17.

<sup>49</sup> Beliau merupakan tokoh ulama dalam kalangan *al-tabi'īn*. Ja'far bin Muhamad bin 'Alī Zaynal 'Ābidīn bin al-Husayn bin 'Alī bin Abī Ṭālib r.a. yang dilahirkan di kota Madinah pada tahun 80 H dan wafat di kota yang sama pada tahun 148 H dalam usia 68 tahun. Salasilah keturunannya berasal dari Abū Bakr Al-Ṣiddīq, ini kerana ibunya adalah Umm Farwah binti al-Qāsim bin Muhamad bin Abū Bakr al-Ṣiddīq dan ibu kepada Umm Farwah adalah

“Bangun dan masuklah ke dalam kolam ini sehingga aku dapat mengajar engkau *al-Ism al-A‘zam*. Lalu lelaki tersebut masuk kedalam kolam dan mandi, sedangkan pada masa itu musim sejuk dan air sangat dingin. Apabila lelaki ini hendak keluar daripada kolam, Ja‘far al-Ṣādiq menyuruh kawan-kawannya menghalangnya. Perkara ini berlaku berkali-kali sehingga dia menyangka Ja‘far al-Ṣādiq dan kawan-kawanya ingin membunuhnya. Lalu dia berdoa dan merayu kepada Allah SWT dengan sepenuh hatinya. Bila Ja‘far al-Ṣādiq lihat demikian, beliau mengeluarkan lelaki itu daripada kolam dan menyelamatkannya dengan kain dan dibiarkan sehingga dia bertenaga semula. Kata Ja‘far al-Ṣādiq;

إِنَّ كُلَّ اسْمٍ مِّنْ أَسْمَائِهِ نَعَالِي يَكُونُ غَايَةُ الْعَظَمَةِ إِلَّا أَنَّ الْإِنْسَانَ إِذَا ذَكَرَ اسْمَ اللَّهِ  
عِنْدَ تَعْلُقِ قَلْبِهِ بِغَيْرِ اللَّهِ لَمْ يَتَفَعَّلْ بِهِ؛ وَإِذَا ذَكَرَهُ عِنْدَ انْقِطَاعِ طَمْعِهِ مِنْ غَيْرِ اللَّهِ كَانَ  
ذَلِكَ الْاسْمُ الْأَعْظَمُ.

Terjemahan: “Sesungguhnya setiap nama daripada nama-nama Allah SWT adalah sangat agung melainkan apabilamanusia menyebutnya ketika hatinya masih terikat dengan selain daripada Allah,ketika itu [sebutannya itu] tidak memberi apa-apa manfaat dengan nama tersebut, dan apabila

---

Asma’ binti Abd al-Rahman bin Abu Bakr al-Ṣiddīq. Ja‘far al-Ṣādiq berkata: “Aku dilahirkan oleh Abu Bakar dua kali”. Beliau sangat marah kepada golongan *Rāfi‘ah* selepas mengetahui mereka mencela datuknya Abū Bakr al-Ṣiddīq. Datuk sebelah ibunya al-Qāsim bin Muhammad bin Abu Bakr al-Ṣiddīq yang tergolong dalam *fuqahā’* yang tujuh di Madinah. Beliau terkenal dengan gelaran *al-Ṣādiq*, *al-Imām al-Ilm al-Madanī* kerana sifat yang ada padanya seperti benar, jujur dalam ucapan dan perbuatannya. Ja‘far al-Ṣādiq menimba ilmu daripada para sahabat besar seperti Sahl bin Sa‘ad, Anas bin Malik r.a. dan datuknya al-Qāsim bin Muhammad bin Abū Bakr al-Ṣiddīq dan daripada ulama tabi‘in seperti ‘Ata’ bin Abī Rabah, Muḥammad bin Shihab al-Zuhri, ‘Urwah bin al-Zubayr, Muḥammad bin al-Munkadir, ‘Abd Allāh bin Abī Rafi’ dan Ikrimah Mawla Ibn Al Abbas r.a. Ramai ulama memuji beliau, kata Abu Hanifah: “Tidak ada orang yang lebih *faqīh* dari Ja‘far bin Muḥammad”. Abū Hatim al-Rāzī berkata, “Beliau seorang yang *thiqah*, jangan ditanya sama ada adaorang sepertinya lagi”. kata Ibn Hibban, “Dia termasuk tokoh daripada kalangan Ahli Bayt, ahli ibadah daripada kalangan pengikut *al-tabi‘īn* dan ulama Madinah”. Lihat al-Dhdhahabi, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ahmad, *Siyār A‘lām al-Nubalā’* (Kaherah: Dār al-Hadīth, 2006), 6:362-372; al-Safadyy, Ṣalāh al-Dīn Khalil bin Aybak bin ‘Abd Allāh, *al-Wāfi bi al-Wafyāt*, ed. Ahmad al-Arna’ut (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath, 2000), 11: 98-100.

dia menyebutnya ketika putus pergantungan harapannya dengan selain Allah SWT, maka demikian itulah *al-Ism al-A‘zam*<sup>50</sup>.

b. Seorang lelaki pergi kepada Abū Yazīd al-Bastāmī (m. 261 H) dan berkata; “Khabarkan kepadaku tentang *Ism Allāh al-A‘zam*”, maka jawab Abū Yazid;

اسم الله الأعظم ليس له حد محدود ولكن فيّ قلبك لوجه الله فإذا كنت كذلك  
فاذكر أى اسم شئت.

Terjemahan: “*Ism Allāh al-A‘zam* tiada had yang dibataskan, tetapi kosongkanlah hati engkau kerana Allah, apabila engkau dalam keadaan demikian, maka sebutlah mana-mana nama Allah yang engkau ingin”<sup>51</sup>.

c. Diriwayatkan daripada al-Junayd (m. 298 H)<sup>52</sup> bahawa seorang perempuan datang menemuinya dan meminta beliau mendoakan kepada Allah SWT kerana anak lelakinya hilang. al-Junayd menyuruh perempuan tersebut bersabar, berdoa dan pulang. Perempuan itu datang semula berkali-kali dan itulah jawapan yang diberikan al-Junayd kepadanya. Lalu perempuan itu berkata: “*Telah habis kesabaranku dan tiada lagi tenagaku, maka doakanlah untukku*”. Kata al-Junayd; “*Sekiranya benar apa yang engkau katakan, maka pulanglah, sesungguhnya anak mu telah kembali*”. Akhirnya perempuan tersebut pergi dan datang kembali sambil bersyukur kepada Allah SWT. Dikatakan kepada al-Junayd, bagaimana beliau dapat mengetahui perkara tersebut. Kata al-Junayd; “Allah telah berfirman:

<sup>50</sup> Al-Rāzī, *Lawāmi‘ al-Bayānāt*, 86-87.

<sup>51</sup> *Ibid.*, 87.

<sup>52</sup> Beliau adalah al-Junayd bin Muḥammad bin al-Junayd, Abū al-Qāsim al-Khazzar, *shaykh* para sufi. Beliau dilahir dan dibesarkan di Baghdad, Iraq. Antara guru beliau ialah al-Hasan bin ‘Arafah dalam bidang hadith, Abū Thawr, Ibrāhim bin Khālid al-Kalbī (m. 240 H) dalam bidang fiqh yang merupakan salah seorang *aṣḥāb al-Shāfi‘ī* dan beliau membenarkan al-Junayd yang berusia 20 tahun memberi fatwa dalam halaqah ilmunya. Beliau juga belajar dari al-Hārith bin Asad al-Muhsibī (m. 243H) dalam bidang taṣawwuf. Beliau wafat pada tahun 298 Hijrah. Lihat Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, 14:767-769 dan Ibn Kathīr, *Tabaqāt al-Fuqahā’ al-Shāfi‘iyyīn*, 1:168-171.

أَمْ تُحِبُّ الْمُضْطَرَ إِذَا دَعَا وَيَكْشِفُ الْسُّوءَ وَجَعْلُكُمْ خُلَفَاءَ الْأَرْضِ  
أَءِلَهُ مَعَ اللَّهِ قَلِيلًا مَا تَدَكَّرُونَ

Al-Naml 27:62

Terjemahan: “Atau siapakah yang memperkenankan doa orang yang menderita apabila ia berdoa kepadaNya, dan yang menghapuskan kesusahan, serta menjadikan kamu pengganti (umat-umat yang telah lalu) mendiami dan menguasai bumi? Adakah sebarang Tuhan yang lain bersama-sama Allah? amat sedikit di antara kamu yang mengingati (nikmat Allah itu).

Mengulas tentang hal ini, Fakhr al-Din al-Rāzī, menyatakan; واعلم أنه ظهر من هذا الكلام أن العبد كلما انقطاع قلبه عن الخلق أتم كأن الإسم الذي به يذكر الله عزوجل أعظم .... فلا حرج إذا ذكر العبد ربه في مثل ذلك الوقت بأى اسم كان ، فقد ذكره بأعظم الأسماء، متى ذكر العبد ربه بأعظم الأسماء لرم في كرمه ورحمته وجوده أن يخص ذلك العبد بأعظم أنواع الجود والكرم.

Terjemahan: “Ketahuilah bahawa nyata dari kata-kata ini, seseorang hamba, tatkala hatinya terputus tumpuan daripada makhluk, sempurnalah nama-nama yang disebut untuk Allah sebagai [nama] yang agung. Maka tidak hairan apabila seseorang hamba menyebut Tuhannya dalam waktu sebegini dengan mana-mana nama, maka sesungguhnya Dia telah menyebut dengan seagung-agung nama. Apabila seseorang hamba menyebut [nama] Tuhannya, dengan seagung-agung nama, lazimlah untuknya berdasarkan kemuliaan, rahmat dan kemurahannya, Dia akan memberi kurniaan yang khusus kepada hamba tersebut dengan sebesar-besarnya kemurahan dan kemuliaan.”<sup>53</sup>

Selain tiga hujah yang disenaraikan oleh al-Rāzī bagi golongan pertama ini, terdapat hujah lain yang dibawa oleh mereka sebagaimana berikut;<sup>54</sup>

a. Imām Malik tidak suka mengulangi satu surah daripada surah-surah dalam al-Qur'an atau melebihkan sesuatu surah daripada surah yang lain supaya beliau tidak menganggap sebahagian al-Qur'an itu lebih *afḍal* daripada sebahagian yang

<sup>53</sup> Al-Rāzī, *Lawāmi‘ al-Bayānāt*, 87.

<sup>54</sup> Lihat Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, 11:268.

lain. Dengan demikian, seseorang akan beriktikad pada kerendahan *al-mafḍūl* berbanding dengan ketinggian atau keagongan *al-afḍal*. Berdasarkan dalil ini, mereka mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan *al-Ism al-A'żam* ialah *al-'Azīm* (Yang Agung) dan sesungguhnya semua nama-nama Allah SWT adalah agung.

b. Kata Abū Ja'far al-Ṭabarī; “Berlaku perbezaan *al-athār* dalam menentukan *al-Ism al-A'żam* dan pada pendapat saya, semuanya adalah sahih bila tidak ada khabar yang menentukan *al-Ism al-A'żam* kepada nama-nama tertentu dan tiada sesuatu pun yang lebih agung daripada yang lain. Riwayat-riwayat ini seolah-olahnya mengatakan bahawa setiap nama Allah SWT harus bersifat dengan keagungan. Justeru *al-a'żam* adalah lebih wajar dirujuk kepada makna *al-'Azīm* (Yang Agung), sebagaimana hujah terdahulu”.

c. Kata Ibn Ḥibbān; “*al-'azīmah* yang terdapat dalam riwayat-riwayat ini adalah bermaksud bertambah pahala bagi mereka yang menyeru dengan nama-nama Allah SWT tersebut. Begitu juga riwayat yang menyebut fadhilat surah al-Qur'an yang bermaksud bertambah pahala bagi pembacanya”.

d. Ada pendapat yang mengatakan, yang dimaksudkan dengan *al-Ism al-A'żam* adalah semua nama Allah SWT yang diseru oleh seseorang hamba ketika menyerunya, di mana ketika itu, tidak ada dalam fikirannya selain daripada Allah SWT dan permohonannya itu dimakbulkan-Nya. Makna ini adalah berdasarkan pandangan Ja'far al-Ṣādiq dan al-Junayd<sup>55</sup>.

e. Allah SWT merahsiakan pengetahuan *al-Ism al-A'żam* dan tidak menzahirkan kepada seorang pun dalam kalangan makhlukNya.

Fakhr al-Dīn al-Rāzī menyatakan bahawa pendapat ini adalah lemah, kerana nama-nama Allah SWT terbahagi kepada sembilan bahagian. Al-Rāzī membahagikan *al-Asmā' al-Husnā* kepada sembilan iaitu pertama; nama yang menunjukkan ke atas zat. Kedua; nama yang menunjukkan ke atas juzuk daripada zat. Ketiga; nama yang menunjukkan ke atas perkara luar dari zat yang dikenali dengan *al-sifat* yang terbahagi kepada tujuh iaitu nama yang menunjukkan ke atas sifat *al-haqīqiyyah*. Keempat; sifat *al-idāfiyyah*. Kelima, sifat *al-salbiyyah*. Keenam, sifat *al-haqīqiyyah*

<sup>55</sup> Lihat al-Rāzī, *Lawāmi' al-Bayyināt*, 86-87.

*ma ‘a al-idāfiyyah.* Ketujuh, sifat *al-haqīqiyyah ma ‘a al-salbiyyah.* Kelapan, sifat *al-idāfiyyah ma ‘a al-salbiyyah.* Kesembilan sifat *al-haqīqiyyah ma ‘a al-idāfiyyah* dan *al-salbiyyah*<sup>56</sup> dan nama yang merujuk kepada zat Allah SWT secara khusus adalah paling mulia dan paling agung.<sup>57</sup>

### Golongan Kedua: *al-Ism al-A‘ẓam* bagi Allah Boleh Ditentukan

Seterusnya Fakhr al-Dīn Al-Rāzī mengemukakan pandangan yang menyatakan bahawa *al-Ism al-A‘ẓam* bagi Allah SWT itu adalah boleh ditentukan. Golongan ulama ini pula terbahagi kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama mengatakan *al-Ism al-A‘ẓam* bagi Allah ini dapat diketahui oleh makhluk Allah SWT, manakala kumpulan kedua pula menyatakan *al-Ism al-A‘ẓam* tidak diketahui oleh makhlukNya dan ia tersembunyi di sisi Allah SWT.<sup>58</sup> Beliau juga membentangkan dalil yang dikemukakan oleh setiap kumpulan ini. Bagi kumpulan pertama yang terdiri daripada ulama yang mengatakan *al-Ism al-A‘ẓam* bagi Allah ini dapat diketahui oleh makhluk Allah SWT, mereka berbeza pendapat pula dalam menentukan manakah *al-Ism al-A‘ẓam* yang sebenarnya sehingga muncul enam pendapat.

**Pendapat pertama** menyatakan *al-Ism al-A‘ẓam* bagi Allah ialah *Huwa*. Mereka mengatakan, sekiranya seseorang berdoa secara bersungguh-sungguh (*mubālaghah*), maka dibaca doanya dengan dia menyebut:

يَا هُوَ يَا مِنْ يَا هُوَ إِلَّا هُوَ

Terjemahan: Wahai Dia, wahai Pemberi, wahai Dia, tiada yang lain melainkan Dia...

**Hujah pertama** ialah kalimah *Huwa* ialah *kināyah*<sup>59</sup> kepada seseorang yang *mawjūd* (ada) dengan cara sebutan kata ganti nama

<sup>56</sup> *Ibid.*, 1:111.

<sup>57</sup> Al-Rāzī, *Mafātīḥ al-Ghayb*, 1:111.

<sup>58</sup> Al-Rāzī, *Lawāmi‘ al-Bayināt*, 88.

<sup>59</sup> *Kināyah* ialah satu dari cabang ilmu *balāghah*, maksudnya ialah setiap lafaz yang menunjukkan pengertian lazimnya dan boleh juga dimaksudkan kepada maknanya yang asli kerana tiada tanda yang menghalang dari maksudnya yang asal. Menurut *Kamus Dewan* pula, *Kināyah* Ar contoh yg tersembunyi pengertian atau maksudnya, yang dapat difahami tanpa keterangan lain. Lihat *al-Mu‘jam al-Wasīṭ* (Kaherah: Mujamma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah bi al-

yang ghaib (*damīr al-ghaybah*)<sup>60</sup> dan bentuk keseorangan / tunggal (*al-fardāniyy*). Wujud (*wujūd*) dan keghaiban (*al-ghaybah*) Allah SWT daripada pandangan makhluk-makhlukNya yang mungkin ada atau mungkin tiada (*al-mumkināt*) adalah sifat yang wajib bagi Allah SWT. Oleh itu, sabitlah bahawa sifat-sifat yang ditunjukkan oleh kata-kata kita *Huwa*, tidak layak dimiliki oleh sesiapa melainkan Allah SWT. Maka jadilah perkataan ini (*huwa*) sebagai nama yang paling khusus daripada nama-nama Allah SWT<sup>61</sup>.

Hujah kedua ialah Sesungguhnya makhluk manusia memerlukan kepada *al-Khāliq* (Pencipta). Hal ini memang tersemat kukuh dalam minda mereka, dan kesedaran tentang keperluan ini dirasainya secara *darūrī*, sebagaimana firman Allah SWT;

وَإِنْ سَأَلْتُهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ ۝ قُلْ أَحْمَدُ لِلَّهِ ۝  
بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

Luqmān 31:25

Terjemahan: “Dan Sesungguhnya jika engkau (Wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: “Siapakah yang menciptakan langit dan bumi?” sudah tentu mereka akan menjawab: “Allah”. Ucapkanlah (Wahai Muhammad): “Alhamdulillah” (sebagai bersyukur disebabkan pengakuan mereka yang demikian - tidak mengingkari Allah), bahkan kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat tauhid dan pengertian syirik)”.

Menurut al-Rāzī , kita katakan *Huwa* yang disyaratkan atau dimaksudkan kepada Tuhan yang wujud dan disaksikan kewujudan dan keberhajatan semua *mumkināt* kepadaNya oleh fitrah dan akal yang waras. Oleh itu, dapat dinyatakan di sini bahawa perkataan *huwa* adalah merujuk kepada Allah SWT yang merupakan *al-Baṭīn*, iaitu yang tersembunyi keapabendaan (*māhiyyah*) dan hakikat tumpuan makhluk kepadaNya. Ia juga menunjukkan bahawa Dia adalah *al-Zāhir*, berasaskan dalil-dalil

---

Qahirah, t.t.), 2:802 dan *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, 2007), 791, entri “kinayah.”

<sup>60</sup> Kata ganti nama ketiga.

<sup>61</sup> Al-Rāzī, *Lawāmi‘ al-Bayyināt*, 88.

zahir yang menunjukkan kewujudannya. Oleh itu, nama ini adalah namaNya yang paling agung.<sup>62</sup>

Fakhr al-Dīn al-Rāzī juga membawa hujah ketiga kumpulan ini iaitu hujah bahasa. Menurut al-Rāzī, sesiapa yang ingin merujuk kepada raja atau sultan, dia akan menggunakan kata nama *Huwa* yang bermaksud “dia” sekiranya raja ada bersamanya dan dia tidak akan menggunakan nama dan kata ganti nama yang lain. Ini menunjukkan bahawa lafaz ini adalah nama yang paling agung bagi Allah SWT<sup>63</sup>.

Walau bagaimanapun, Fakhr al-Dīn al-Rāzī tidak menyenaraikan pendapat ini dalam kitab tafsirnya ketika beliau membicarakan *al-Ism al-A‘ẓam*<sup>64</sup>. Dengan ini, penulis berpendapat bahawa pendapat pertama ini adalah lemah. Sekiranya pendapat ini kuat, sudah pasti pendapat ini dinyatakan oleh beliau dalam kitab tafsirnya. Walaupun begitu, ketika menghuraikan nama Allah SWT *huwa*, beliau menyatakan bahawa nama ini adalah yang paling mulia dan tinggi pada hak Allah SWT.<sup>65</sup>

**Pendapat kedua** mengatakan bahawa nama Allah SWT paling agung ialah kalimah *Allāh* berdasarkan dua belas hujah yang dikemukakan oleh mereka. Hujah-hujah tersebut ialah:

Hujah pertama ialah nama ini tidak digunakan kepada selain daripada Allah SWT. Orang Arab menamakan tuhan-tuhan mereka dengan pelbagai nama melainkan nama ini. Mereka juga tidak menggunakan nama ini untuk selain daripada Allah SWT. Ini berdasarkan Firman Allah SWT:

وَلِئِنْ سَأَلْتُهُمْ مَنْ حَلَقَ الْسَّمَاءَنِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ

Luqmān 31:25 dan al-Zumar 39:38

Terjemahan: Dan Sesungguhnya jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: “Siapakah yang menciptakan langit dan bumi?” sudah tentu mereka akan menjawab: “Allah”. Ucapkanlah (wahai Muhammad): “*Al-hamdulillāh*” (sebagai bersyukur disebabkan pengakuan mereka yang demikian- tidak

<sup>62</sup> Al-Rāzī, *Lawāmi‘ al-Bayyināt*, 88.

<sup>63</sup> *Ibid.*, 88-89.

<sup>64</sup> Al-Rāzī, *Mafātih al-Ghayb*, 1:110-111.

<sup>65</sup> Al-Rāzī, *Lawāmi‘ al-Bayyināt*, 101.

mengingkari Allah), bahkan kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat tauhid dan pengertian syirik).

Ibn Kathīr ketika mentafsir ayat dalam surah *al-Zumar* di atas menyatakan bahawa maksud ayat ini adalah orang musyrikin mengiktiraf bahawa Allah SWT ialah *al-Khāliq* (Pencipta) segala sesuatu, Dalam pada itu, mereka turut menyembahNya bersama-sama tuhan selainNya yang tidak boleh memberi apa-apa manfaat kepada mereka dan menolak apa-apa kemudaratannya”<sup>66</sup>.

Begitu juga dengan firman Allah berikut:

رَبُّ الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا فَاعْبُدْهُ وَاصْطَبِرْ لِعَبْدِهِ هَلْ تَعْلَمُ لَهُ سَمِيًّا

Maryam 19:65

Terjemahan: “Tuhan Yang Mencipta dan Membentuk langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya; oleh itu, sembahlah engkau akan Dia dan bersabarlah dengan tekun tetap dalam beribadat kepadaNya; Adakah engkau mengetahui sesiapapun yang senama dan sebanding dengannya?”

Ayat kedua yang dikemukakan di atas bermaksud adakah kamu mengetahui nama lain bagi Allah selain daripada Allah SWT Oleh kerana nama ini hanya khusus untuk Allah SWT sahaja, maka mestilah ia menjadi semulia-mulia nama bagi Allah SWT Ketika mentafsirkan ayat ini, Ibn Kathīr membawa riwayat Ibn ‘Abbas yang menyatakan tafsirannya, “Adakah engkau mengetahui bagi Tuhan ada orang yang sama yang menyerupaiNya”. Riwayat kedua yang datang daripada Ibn ‘Abbas juga mentafsirkan, “tiada seorang pun yang menamakan dengan nama *al-Rahmān* selain daripada *Allāh Tabāraka wa Tā’alā*.<sup>67</sup>

Hujah kedua ialah nama ini adalah nama asal bagi nama-nama Allah SWT yang lain. Sedangkan nama-nama yang lain merupakan sandaran (*mudāf*) kepada nama ini. Kenyataan Ini berdasarkan firman Allah:

وَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى فَادْعُوهُ بِهَا وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Al-A‘rāf 7:180

<sup>66</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, 7:100

<sup>67</sup> *Ibid.*, 5:250

Terjemahan: dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepadanya dengan menyebut nama-nama itu, dan pulaukanlah orang-orang yang berpaling dari kebenaran dalam masa menggunakan nama-namaNya. mereka akan mendapat balasan mengenai apa yang mereka telah kerjakan.

Berdasarkan ayat ini, semua nama Allah SWT disandarkan kepada nama imi, iaitu nama *Allāh*. Tidak mustahil sesuatu yang disifatkan (*mawṣūf*) lebih mulia daripada sifat. Oleh sebab itu,dikatakan *al-Rahmān*, *al-Rahīm*, *al-Mālik* dan *al-Quddūs*, semuanya adalah nama bagi Allah SWT dan tidak dikatakan *Allāh* itu nama bagi *al-Rahmān* dan *al-Rahīm*. Ini menunjukkan bahawa nama ini adalah nama yang asal.

Fakhr al-Dīn al-Rāzī juga memaparkan pendapat yang cuba menolak hujah ini. Menurutnya, ada yang berpendapat bahawa terdapat ayat al-Qur'an yang menjadikan lafadz *Allāh* sebagai sifat (*na‘at*) kepada nama yang lain, sebagaimana firman Allah SWT berikut:

الرَّ كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلْمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَى صِرَاطِ  
الْعَرِيزِ الْحَمِيدِ ﴿اللَّهُ الَّذِي لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَوَلِي لِلنَّاسِ  
مِنْ عَدَابٍ شَدِيدٍ﴾  
Ibrāhīm 14:1-2

Terjemahan: “Alif, Laam, Raa”. Ini ialah Kitab (al-Quran) Kami turunkannya kepadamu (wahai Muhammad), supaya engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari gelap-gelita kufur kepada cahaya iman - dengan izin Tuhan mereka - ke jalan Allah Yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji. Allah jua Yang Memiliki Segala yang ada di langit serta yang ada di bumi”.

Fakhr al-Dīn al-Rāzī menolak pendapat ini dengan membawa tiga dalil berdasarkan ayat di atas, kata beliau;<sup>68</sup>

Nāfi<sup>69</sup> dan Ibn ‘Amīr<sup>70</sup> membaca kalimah *Allāh* dalam ayat satu dan dua surah Ibrahim ini dengan *al-raf* berbaris dihadapan

<sup>68</sup> Al-Rāzī, *Lawāmi‘ al-Bayyināt*, 89.

<sup>69</sup> Beliau ialah Nāfi‘ bin ‘Abd al-Rahman bin Abī Na‘īm al-Layth al-Madānī (m.169 H/785 M), salah seorang daripada tujuh Imam *Qira‘at* yang terkenal. Beliau seorang yang gelap, memiliki wajah yang berseri dan berakhhlak mulia.

(*dammah*) kerana kalimah tersebut menjadi permulaan (*al-isti ’nāf*) kepada ayat ini (ayat kedua), di mana kedudukannya dalam ayat, ia menjadi subjek (*mubtadā’*). Manakala predikatnya (*khabar*) adalah ayat selepasnya.

Imām Qurra’ yang lain membaca kalimah Allah ini dengan *al-Jarr* yang berbaris di bawah (*kasrah*) kerana *Lafz al-Jalālah*<sup>71</sup> ini ada hubungan makna ‘Ataf bayān (hubunga penjelasan) dengan perkataan *al-’Azīz* dan *al-Hamīd* dalam ayat pertama surah Ibrahim. Menurut Abū ‘Amru, Kalimah *Allāh* ini menjadi *al-khafṣ* (*majrūr*) kerana berlaku *al-taqdīm* dan *al-ta’khīr* (pengdahuluan dan pengemudianan) sesuatu perkataan untuk tujuan keindahan bahasa (*balāghah*)<sup>72</sup>. Asal ayatnya ialah:

Beliau berasal daripada Asfahan dan terkenal di Madinah. Beliau wafat di Madinah. Lihat al-Ziriklī, *al-A’lām*, 8:5.

<sup>70</sup> Beliau ialah ‘Abd Allāh bin ‘Āmīr al-Shāmi (m.118H/ 736M), salah seorang dari tujuh imam *Qira’āt* yang terkenal. Beliau dilantik menjadi kadi Damshiq pada zaman pemerintahan Khalifah al-Wālīd bin ‘Abd al-Mālik. Beliau dilahirkan di al-Balqā’ dan berpindah ke Damshiq dan wafat di sana. Kata al-Dhahabi:” beliau adalah *muqrī’* orang Sham, benar dalam periyawatan hadith. *Ibid.*, 4:95.

<sup>71</sup> Dalam perbincangan Ilmu Nahu, kalimah *Allāh* disebut *Lafz al-Jalālah* yang bermaksud lafadz yang maha tinggi dan mulia. Ini kerana, dalam ilmu Nahu, setiap kata nama akan terdedah kepada hukum *i’rāb* (sintaksis) iaitu ilmu tentang susunan kata dalam ayat sama ada *marfū’*, *manṣūb* dan *majrūr*. Jadi, ulama bahasa Arab berpendapat bahawa tidak elok untuk mendedahkan nama Allah ini kepada hukum-hukum *i’rāb* tersebut yang boleh membawa makna yang tidak elok bagi Allah SWT. Oleh itu, mereka menyebut *Lafz al-Jalālah* bagi nama Allah.

<sup>72</sup> Dalam ilmu *al-Balāghah* terdapat banyak faktor yang membawa kepada *al-taqdīm* dan *al-ta’khīr* dalam ayat-ayat bahasa ‘Arab, antaranya; *Dhikr al-Muqaddam ahamm* (memberi penumpuan utama terhadap perkara yang di dahulukan), *Murā’ah al-Tabī’i fi al-ma’nā* (menjaga kesesuaian makna terhadap perkara yang disebutkan), *Irādah al-Tarqi min al-Adnā ilā al-A’lā aw al-’Aks* (penyusunan makna mengikut turutan menaik atau menurun) dan *al-Takhalluṣ mimma yuwahhim al-ma’nā* (menghindar kesamaran makna). Dalam ayat di atas, Allah SWT mendahulukan dua nama sifat Allah iaitu *al-’Azīz* dan *al-Hamīd* dari Allah kerana menjaga kesesuaian makna terhadap perkara yang di sebut atau dengan istilah *Murā’ah al-Tabī’i fi al-ma’nā*. Ia membawa makna pengkhususan dan penjelasan kepada jalan yang sepatutnya dilalui oleh setiap manusia yang penuh dengan keamanan dan kesudahan yang terpuji. Manakala kalimah *Allāh* yang menjadi ‘Ataf bayān kepada nama *al-’Azīz* dan *al-Hamīd* berada kedudukan yang cukup indah dalam ilmu Balaghah kerana berada pada landasan kemuncak tumpuan ayat yang membawa maksud Allah sahaja yang berhaq disembah secara al-Haq. Lihat Muḥammad bin

صِرَاطُ اللَّهِ الْعَرِيزُ الْحَمِيدُ، الَّذِي ...

Terjemahan: Jalan Allah Yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji, Yang...

Hujah ketiga adalah berdasarkan firman Allah SWT:

قُلِّ ادْعُوا اللَّهَ أَوْ ادْعُوا الرَّحْمَنَ أَيُّهَا مَا تَدْعُوا فَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحَسَنَىٰ وَلَا تَخْهُرْ بِصَلَاتِكَ  
وَلَا تُخَافِتْ بِهَا وَاتْنَعْ بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا

Al-Isrā' 17:110

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): “Serulah nama *Allāh* atau nama *Ar-Rahmān*, yang mana sahaja kamu serukan (dari kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah mempunyai banyak nama-nama yang baik serta mulia”. dan janganlah engkau nyaringkan bacaan doa atau sembahyangmu, juga janganlah engkau perlahankannya, dan gunakanlah sahaja satu cara yang sederhana antara itu.

Berdasarkan ayat ini, dapat dinyatakan bahawa dua nama Allah SWT yang dikhususkan untuk berzikir ialah *Allāh* dan *al-Rahmān*. Ini menunjukkan kedua-dua nama ini paling mulia dibandingkan dengan nama-nama Allah yang lain. Kemudian nama Allah pula lebih mulia daripada nama *al-Rahmān* kerana pertama; nama ini didahulukan dalam sebutan, dan kedua kerana nama *al-Rahmān* membawa maksud kesempurnaan pada rahmat dan tidak menunjukkan makna kesempurnaan yang ada pada nama *al-qahr* (keperkasaan), *al-ghalabah* (penguasaan), *al-'azamah* (keagungan), *al-quddūs* (kesucian) dan *al-'izzah* (ketinggian). Manakala kalimah *Allāh* pula mengandungi kesemua makna tersebut. Oleh yang demikian pastilah kalimah *Allāh* lebih mulia dan paling agung berbanding dengan nama-nama lain.<sup>73</sup>

Hujah keempat ialah kalimah *Allāh* mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Sekiranya digugurkan salah satu huruf daripada ejaaannya, ia masih lagi menjadi nama bagi Allah SWT. Sebagai contoh, sekiranya seseorang menggugurkan huruf *Alif* dari kalimah Allah (الله), ia masih lagi untuk Allah dan menjadi sifat bagi Allah SWT, sebagaimana firman Allah SWT:

---

Muhammad bin Mustafā Abū al-Su‘ūd al-‘Imādī, *Irshād al-‘Aql al-Salīm ilā Mazāyā al-Kitāb al-Karīm* (Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.) 5:30.

<sup>73</sup> *Ibid.*, 90.

وَلَهُ مُلْكٌ الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Āli-'Imrān 3:189

Terjemahan: Dan bagi Allah jualah kuasa pemerintah langit dan bumi, dan Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Begitu juga dengan firman Allah SWT berikut:

وَلَهُ خَزَانَاتُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

Al-Munāfiqūn 63:7

Terjemahan: “Padahal bagi Allah jualah perbendaharaan langit dan bumi”.

Sekiranya digugurkan lagi huruf *lām* pertama, ia masih lagi merujuk kepada Allah SWT dan kalimah tersebut juga merupakan antara sifat-sifat Allah SWT. Firman Allah:

لَهُ، مَفَالِيدُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ وَيَقْدِرُ إِنَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Al-Shūrā 42:12

Terjemahan: Dia lah jua Yang Menguasai urusan dan perbendaharaan langit dan bumi; ia memewahkan rezeki bagi sesiapa Yang dikehendakiNya (menurut peraturan yang telah ditetapkan), dan Dia juga yang menyempitkannya (menurut peraturan itu); Sesungguhnya dia Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Begitu juga dengan firman Allah SWT berikut;

وَهُوَ اللَّهُ إِلَهٌ لَا هُوَ كُلُّهُ أَحَدٌ فِي الْأَوَّلِ وَالآخِرَةِ وَلَهُ الْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

Al-Qaṣāṣ 28:70

Terjemahan: Dan Dia lah Allah tiada Tuhan melainkan dia. Segala puji tertentu bagiNya, di dunia dan di akhirat; dan hanyalah Dia Yang Berkuasa menghukum, serta kepadaNya lah kamu semua dikembalikan.

Dan sekiranya digugurkan huruf *lām* kedua, ia menjadi *huwa*. Kalimah ini juga masih kekal merujuk kepada Allah SWT dan ia juga merupakan salah satu daripada nama-nama Allah SWT. Firman Allah SWT:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

Al-Ikhlas 12:1

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): “(Tuhandu) ialah Allah Yang Maha Esa”.

Firman Allah SWT lagi;

هُوَ الْحَيُّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَادْعُوهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الْمُرْسَلُونَ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Al-Ghāfir 40:65

Terjemahan: Dialah Yang Tetap Hidup; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; maka sembahlah kamu akan Dia dengan mengikhlaskan amal ugama kamu kepadaNya semata-mata. Segala puji tertentu bagi Allah Tuhan Yang Memelihara dan Mentadbirkan sekelian alam.

FirmanNya lagi:

هُوَ تَحْيِي وَيُمْسِتُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

Yūnus 10:56

Terjemahan: Dia lah yang menghidupkan dan yang mematikan, dan kepadaNyalah kamu akan dikembalikan untuk menerima balasan.

Keistimewaan yang ada pada kalimah *Allāh* ini tidak terdapat pada nama-nama yang lain.<sup>74</sup>

Hujah kelima yang dibawa oleh Fakhr al-Dīn al-Rāzī ialah, sekiranya orang kafir berkata: *lā ilaha illā Huwa* (*Tiada Tuhan yang patut disembah melainkan Dia*), maka kata-kata tersebut tidak mengesahkan keislamannya. Ini kerana perkataan *Huwa* adalah untuk menunjukkan ganti nama bagi sesuatu yang ghaib. Mungkin juga orang kafir menggunakan kalimah ini untuk merujuk kepada sembahyang batil (salah), begitulah juga nama-nama sifat yang lain. Adapun apabila mereka berkata: *lā ilaha illā Allāh* (*Tiada Tuhan yang patut disembah melainkan Allah*), maka sahlah keislamannya. Sesungguhnya makna kalimah tauhid ini terkandung dalam firman Allah SWT dalam Surah Muhammad berikut:

فَأَعْلَمُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Muhammad 47:19

Terjemahan: “Oleh itu, maka tetapkanlah pengetahuanmu dan keyakinanmu (wahai Muhammad) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan Yang berhak disembah melainkan Allah.”

Maksud ini juga terkandung dalam Hadith Rasulullah SAW berikut:

<sup>74</sup> *Ibid.*, 90

أَمْرَتُ أَنْ أُقَايِلَ النَّاسَ حَتَّىٰ يَقُولُوا لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، فَإِذَا قَالُوهَا عَصَمُوا مِنْ دَمَاءِهِمْ وَأَمْوَالِهِمْ.

Terjemahan: “Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka mengucapkan *lā ilaha illā Allāh*, Siapa telah mengucapkannya, maka terpelihara dari aku nyawa-nyawa mereka dan harta-harta mereka.”<sup>75</sup>

Hadith ini menyatakan bahawa terpeliharanya darah, harta dan nyawa seseorang berkait dengan nama ini. Oleh itu kalimah *Allāh* merupakan nama yang paling mulia dan agung.<sup>76</sup>

Hujah keenam adalah berpandukan kepada firman Allah SWT berikut:

قُلْ اللَّهُ تَمَّذْ دَرَهُمٌ فِي حَوْضِهِمْ يَلْعَبُونَ

Al-‘An‘ām 6:91

Terjemahan: “Katakanlah (kepada mereka): “Allah jualah (yang menurunkannya)”, Kemudian, biarkanlah mereka leka bermain-main dalam kesesatannya”.

Dalam ayat di atas Allah SWT mengarahkan hambaNya supaya berpaling daripada segala sesuatu selain daripada Allah SWT dan menumpukan pengabdian diri kepadaNya. Kalimah *Allāh* di sini menandakan bahawa ia adalah semulia-mulia nama.<sup>77</sup>

Hujah ketujuh dibawa oleh Fakhr al-Dīn al-Rāzī bagi menyokong pendapat ini ialah, nama *Allāh* mempunyai keistimewaan yang tidak terdapat pada nama-nama yang lain. Keistimewaan tersebut dapat dikesan apabila diteliti fakta bahawa semua nama dan sifat bagi Allah SWT, apabila dimasukkan kata seru (*al-nidā’*), maka gugurlah huruf *Alif* dan *Lām* yang ada di pangkalnya. Oleh itu, tidak boleh disebut *Yā al-Rahmān* dan *Yā al-Rahīm* bahkan perlu disebut: *Yā Rahmān* dan *Yā Rahīm*. Adapun kalimah *Allāh*, ia boleh disebut *Yā Allāh*, tanpa perlu digugurkan

<sup>75</sup> Hadith riwayat al-Tirmidhī, Bāb Mā Jā’ a ‘Umirtu an ‘Uqātila al-Nās Hattā Yaqūl lā ilaha illā Allāh, no. 2606. Lihat Abū ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Sawrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, ed. Ahmad Muḥammad Shākir, et al. (Kaherah: Sharikah Maktabah wa Matba‘ah Mustafā al-Bābī al-Halabī, 1975), 5:717. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini *Hasan Sahīh*.

<sup>76</sup> Al-Rāzī, *Lawāmi‘ al-Bayyināt*, 91.

<sup>77</sup> *Ibid.*, 91.

huruf *Alif* dan *Lām* dipangkalnya kerana dua huruf ini telah menjadi sebahagian daripada kalimah tersebut iaitu *Allāh* SWT.<sup>78</sup>

Hujah kelapan ialah pendapat yang paling sahih dalam kalangan ulama, iaitu kata nama (*ism*) ini tidak ada jalan bagi akal untuk mengetahui kata akar dan pecahannya. Ini selari dengan hak Allah SWT yang tiada ruang dan tempat bagi akal untuk mengetahui tentangnya. Oleh yang demikian, kalimah ini sesuai dengan *al-musammā* (penama iaitu Allah SWT) berdasarkan bentuk ini. Sebaliknya nama-nama lain tidak sedemikian. Oleh itu pastilah ia adalah nama paling agung berbanding dengan nama-nama Allah SWT yang lain.<sup>79</sup>

Hujah kesembilan ialah, menurut sebahagian ulama, ayat pertama daripada al-Qur'an ialah firman Allah SWT yang berbunyi *Bismi Allāh al-Raḥmān al-Raḥīm*. Mengikut sebahagian<sup>80</sup> ulama, ayat *al-Hamdullāh Rabbi al-Ālamin* adalah ayat pertama daripada surah *al-Fātiḥah*<sup>81</sup>. Nama ini disebut dalam kedua-dua permulaan al-Qur'an. Ia merupakan nama pertama disebut di dalam kitab Allah SWT yang menunjukkan bahawa nama ini merupakan nama yang paling mulia dan agung bagi Allah SWT.<sup>82</sup>

Hujah kesepuluh menurutnya, sebagaimana diketahui, nama pertama disebut di dalam al-Qur'an ialah *Allāh*. Demikian lah juga nama terakhir daripada *al-Asmā' al-Husnā* yang disebut ialah juga Allah. Firman Allah SWT:

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْأَنَاسِ ◯ مَلِكِ الْأَنَاسِ ◯ إِلَهِ الْأَنَاسِ

Al-Nās 114:1-3

Terjemahan: "Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku berlindung kepada (Allah) Pemulihara sekalian manusia.

<sup>78</sup> *Ibid.*

<sup>79</sup> *Ibid.*, 91.

<sup>80</sup> Maksudnya Jumhur *qurrā'* al-Kuffah dan pendapat sekumpulan sahabat, antaranya Ibn 'Abbās, Ibn 'Umar, Ibn Zubayr, Abū Hurayrah dan Sayyidinā 'Alī r.a., juga dari kalangan Tabi'in, antaranya Sa'id bin Jubayr dan al-Zuhri dan golongan Khalaf, 'Abd Allāh bin al-Mubārak, al-Shāfi'i dan Imam Ahmad bin Hanbal juga berpendapat demikian. Lihat Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm*, 1:153 & 178-179.

<sup>81</sup> Ini adalah pendapat Ahli al-Madinah yang terdiri daripada kalangan *qurrā'* dan *fugahā'*. Antaranya Abū Ḥanīfah dan Malik. *Ibid*, 1:153 & 179.

<sup>82</sup> *Ibid.*, 92.

Yang Menguasai sekalian manusia, Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia”.

Oleh kerana nama ini disebut pada permulaan dan penutup al-Qur'an, ia boleh diambil pengajaranbahawa nama ini (Allah) adalah nama yang paling mulia dan paling agung<sup>83</sup>.

Hujah kesebelas, sesungguhnya kalimah Allah berasal dari lafaz *al-Ilah*. Berdasarkan pendapat kebanyakan ulama, ia berasal dari *al-'ibādah* yang bermaksud pengabdian dan penyembahan. Dengan demikian, Ia (Allah) merupakan nama daripada *al-Asmā'* *al-Husnā* yang paling mulia. Ini kerana pengabdian dan penyembahan merupakan bentuk kepatuhan dan pengabdian diri yang paling tinggi dan ini tidak berlaku melainkan yang disembah itu berada pada tahap yang paling tinggi dan paling mulia. Oleh itu, nama yang merujuk kepada Tuhan yang sepatutnya disembah. Selain itu, ia juga menunjukkan kesempurnaan dan kemuliaan Allah SWT dan ketinggianNya. Nama-nama yang lain tidak membawa makna dan maksud ini. Ringkasnya kalimah *Allāh* merupakan nama *al-Ism al-A'zam*.<sup>84</sup>

Hujah kedua belas iaitu hujah terakhir yang dikemukakan oleh pendokong pandangan ini ialah, kalimah Allah SWT mengandungi ciri kemuliaan pada nama dan sifatNya. Kemuliaan ada pada nama kerana nama ini hanya khusus untuk Allah SWT sahaja, manakala kemuliaan pada sifat pula ialah kerana nama ini berasal daripada makna *al-'ibādah* yang bermaksud pengabdian dan penyembahan, dimana tidak ragu-ragu lagi *al-'ibādah* adalah merupakan tujuan asal penciptaan makhluk, sebagaimana firman Allah SWT berikut;

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Al-Dhāriyāt 51:56

Terjemahan: “Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.”

Selain daripada itu, tidak terhasil sifat *al-'ubūdiyyah* melainkan setelah wujud sifat ketinggian, kemuliaan, kesempurnaan dan sifat kemahasucian Allah SWT daripada menyerupai segala *mumkināt*. Setelah wujud semua sifat ini, maka

---

<sup>83</sup> *Ibid.*, 92.

<sup>84</sup> *Ibid.*, 92-93.

tentu sekali nama ini adalah merupakan nama dan sifat yang paling agung daripada *al-Asmā’ al-Husnā* yang dinisbahkan kepada Allah SWT. Oleh yang demikian, “*Allāh*” adalah *al-Ism al-A‘ẓam*.<sup>85</sup>

Menurut Fakhr al-Dīn al-Rāzī, pendapat yang mengatakan *al-Ism al-A‘ẓam* bagi Allah SWT ialah nama *Allāh* adalah pendapat yang hampir kepada kebenaran. Ini kerana nama ini adalah *ism al-‘alam* (kata nama khas) bagi hak Allah SWT. Oleh kerana itu, hal ini menunjukkan bahawa nama *Allāh* adalah merujuk kepada zatNya secara khusus.<sup>86</sup>

Beliau juga menyokong pendapat ini dalam kitabnya *Lawāmi‘ al-Bayyināt Sharḥ Asmā’ Allāh Ta‘ālā wa al-Ṣifāt* setelah beliau senaraikan hujah-hujah di atas yang dikemukakan oleh penyokong pandangan ini<sup>87</sup>, kebanyakkan ulama juga berpendapat bahawa nama *Allāh* adalah nama yang paling agung. Antaranya ialah Abā Ishāq al-Zajjāj (m. 311 H)<sup>88</sup>, al-Khaṭṭābī (m. 388 H)<sup>89</sup> dan Abū al-Qāsim al-Tabarānī<sup>90</sup>.

**Pendapat ketiga** menyatakan bahawa *al-Ism al-A‘ẓam* bagi Allah SWT ialah *al-Hayyu* dan *al-Qayyūm*. Ibn al-Jawzī (m. 597 H) dan Ibn al-Qayyim (m. 751 H) berpendapat sedemikian<sup>91</sup>. Fakhr al-Dīn al-Rāzī mengemukakan dua hujah mereka sebagaimana berikut;

---

<sup>85</sup> *Ibid.*, 93.

<sup>86</sup> Al-Rāzī, *Mafātīḥ al-Ghayb*, 1:111 dan 32:341.

<sup>87</sup> Katanya “هذا جملة ما يمكن تغيره في هذا الباب”; “Hujah-hujah ini memungkinkan penegasan yang dapat dibuat bahawa ia (nama *Allāh*) dalam bab ini adalah (nama Allah yang agung)”. Lihat Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *Lawāmi‘ al-Bayyināt*, 93.

<sup>88</sup> Abū Ishāq Ibrāhīm bin Muḥammad al-Zajjāj, *Tafsīr Asmā’ Allāh al-Husnā*, ed. Ahmad Yusūf al-Daqqāq (Damsyik: Dār al-Thaqāfah al-‘Arabiyyah, 1974), 24.

<sup>89</sup> Abu Sulaymān Ḥamd bin Muḥammad al-Khaṭṭābī, *Sha‘n al-Duā’*, ed. Ahmad Yusūf al-Daqqāq (Damsyik: Dār al-Thaqāfah al-‘Arabiyyah, 1992) 25.

<sup>90</sup> Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharf al-Nawāwī, *Sharḥ al-Nawawī ‘alā Muslim*, Bāb fī Asmā’ Allāh Ta‘ālā wa Faḍl Man Ahṣahā, no Hadith 2677 (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1392 H), Maktabah Shamilah, 17:5 dan Abū Ishāq al-Zajjāj, *Tafsīr Asmā’ Allāh al-Husnā*, ed. Ahmad Yusuf al-Daqqāq (Dar al-Thaqafah al-‘Arabiyyah, tt.p.), 24.

<sup>91</sup> Abu al-‘Alā Muhammad ‘Abd al-Rahmān bin ‘Abd al-Rahīm al-Mubārakfūrī,, *Tuhfah al-Ahwadhī bi Sharḥ Jāmi‘ al-Tirmidhī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 9:315.

Terdapat hadith yang meriwayatkan bahawa Ubay bin Ka‘ab meminta daripada Rasulullah SAW supaya mengajar beliau *al-Ism al-A ‘zam*. Lalu Baginda SAW bersabda :

هُوَ فِي قَوْلِهِ: إِنَّ اللَّهَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ

Terjemahan: “Dia dalam firmanNya: Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang tetap hidup, Yang kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya) [Al-Baqarah 2:255].”<sup>92</sup>

Dan firman Allah SWT dalam surah Āli-‘Imrān:

اللَّهُمَّ إِنَّ اللَّهَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ

Āli-‘Imrān 3:1-2

Terjemahan: “*Alif, Laam, Miim.* Allah tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap Hidup, Yang kekal selama-lamanya mentadbir sekalian makhlukNya.”

Dalam ayat ini, ayat *Allāh lā ilaha illā Huwa* tidak dimaksudkan di sini kerana ayat ini terdapat dalam banyak ayat al-Qur'an. Apabila Rasulullah SAW menyatakan *al-Ism al-A ‘zam*

<sup>92</sup> Riwayat ini tidak ditemui oleh penulis, tetapi ada riwayat lain yang membawa maksud yang sama, misalnya hadis yang diriwayatkan oleh Asmā' binti Yazīd, katanya: “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: “ dalam dua ayat ini iaitu *Allāh lā ilaha illā Huwa al-Hayy al-Qayyūm* (al-Baqarah 2:255) dan *Alif Lām Mīm, Allāh lā ilaha illā Huwa al-Hayy al-Qayyūm.* (Āli-‘Imrān 3:2), terdapat nama Allah yang agung”. Hadith riwayat Ahmad bin Ḥanbal, Min Musnad al-Qabā'il, Min Ḥadīth Asmā' binti Yazīd, no. Hadith 27611. Shu'ayb al-Arnauṭ mengatakan bahawa sanad hadith ini da'if iaitu pada ‘Ubayd Allāh bin Abī Ziyād al-Qaddah dan Shahr bin Abī Haushab iaitu keduanya adalah lemah. Beliau juga menekankan pendapat al-Tirmidhī dalam kitab *Sunan al-Tirmidhī* yang mengatakan bahawa sanad hadith ini *ḥasan Ṣaḥīḥ*. Al-Baghawī menghukumkannya sebagai *Hadīth Gharrīb*. Al-Mubārakfūrī memberi penjelasan tentang hadith ini dalam kitab *Tuhfah al-Ahwadhī bi Sharḥ Jāmi' al Tirmidhī*, kata al-Tirmidhī; “Bahawa Shahr bin Abī Haushab telah dianggap *thiqah* oleh Ahmad bin Ḥanbal dan Yahyā bin Ma'īn dan bukan seorang ulama yang mengkritiknya. Dalam sanad ini juga terdapat ‘Ubayd Allāh bin Abī Ziyād al-Qaddah yang mana ramai ulama yang mengkritiknya”. Lihat Muhammad bin Ahmad bin Hanbal al-Shaybānī, *Musnad al-Imām Ahmad Ibn Ḥanbal*, ed. Shu'ayb al-Arnauṭ, et al. (Beirut: Mu'asasah al-Risālah, 2001), 45:584; al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, kitab al-Da'awat, Bab 65, no. Hadith 3478 ed. Ibrahim ‘Itwah ‘Iwād (Kaherah: Sharikah Maktabah wa Matba'ah Mustafā al-Bābī al-Halabī, 1975), 5:517; al-Mubārakfūrī, *Tuhfah al-Ahwadhī*, 9:314.

dalam dua ayat di atas, ia memberi panduan bahawa nama tersebut ialah *al-Hayyu* dan *al-Qayyūm*<sup>93</sup>.

Dua nama ini merujuk kepada sifat *al-‘azamah* (keagungan), *al-kibriyā* (kesombongan), dan *al-ilāhiyyah* (ketuhanan) yang tidak terdapat pada nama-nama yang lain. Ini bermaksud kedua-dua nama ini adalah *al-Ism al-A‘zam*<sup>94</sup>.

Menurut Fakhr al-Dīn al-Rāzī, pendapat yang mengatakan bahawa *al-ism al-A‘zam* bagi Allah ialah *al-Hayyu* dan *al-Qayyūm* adalah pendapat yang lemah kerana kedua sifat ini tidak menunjukkan keseluruhan sifat kesempurnaan dan kemuliaan bagi Allah SWT sebagai mana yang terdapat dalam kalimah *Allāh*<sup>95</sup>. Ini adalah sebagaimana yang beliau tegaskan dalam kitab tafsirnya;

وَعِنِّي أَنَّهُ ضَعِيفٌ، وَذَلِكَ لِأَنَّ الْحَيَّ هُوَ الدَّرَكُ الْفَعَالُ، وَهَذَا لَيْسَ فِيهِ كُثْرَةٌ عَظَمَةٌ  
لِأَنَّهُ صَفَّهُ، وَأَمَّا الْقُيُّومُ فَهُوَ مُبَالَغَةٌ فِي الْعِيَامِ، وَمَعْنَاهُ كَوْنُهُ قَائِمًا بِنَفْسِهِ مُفْعَلًا لِعِيَرِهِ،  
فَكَوْنُهُ ... فَلَا يَكُونُ ذَلِكَ عِتَارَةً عَنِ الْاسْمِ الْأَعْظَمِ.

Terjemahan: “Pada saya (al-Rāzī), ia adalah pendapat yang lemah kerana *al-Hayy* ialah Yang Amat Mencerapi sesuatu, lagi Yang Amat Membuat [sesuatu sesuai dengan kehendakNya]. [Makna] ini tidak terkandung di dalamnya makna keagongan yang sebanyak-banyaknya [bagi Allah SWT] kerana ia adalah satu sifat. Manakala *al-Qayyūm* pula, ia mengandungi makna bersanggatan (*mubālaghah*) dalam kemandirian, ertinya keadaan Allah SWT adalah berdiri dengan diri-Nya sendiri dan mendirikan yang lain (iaitu makhluk-Nya). KedanNya seperti itu...tidak menunjukkan [kedua-duanya] adalah *al-Ism al-A‘zam*”<sup>96</sup>.

**Pendapat keempat** mengatakan bahawa *al-Ism al-A‘zam* ialah *Zū al-Jalāl wa al-Ikrām*. Ini berdasarkan dua dalil berikut;

Sabda Rasulullah SAW;

أَطْلُوا يَيَا ذَاجْلَلَ وَالْإِكْرَامَ.

Terjemahan: “lazimilah (sentiasa) menyebut *Yā Zā al-Jalāl wa al-Ikrām97*

<sup>93</sup> Al-Rāzī, *Lawāmi‘ al-Bayyināt*, 93-94.

<sup>94</sup> Al-Rāzī, *Lawāmi‘ al-Bayyināt*, 94.

<sup>95</sup> Al-Rāzī, *Mafātih al-Ghayb* (Beirut: Dār Ihyā’ al-‘Arabī, 1999), 1:110-111.

<sup>96</sup> Al-Rāzī, *Lawāmi‘ al-Bayyināt*, 1:110-111.

<sup>97</sup> Hadith riwayat al-Tirmidhī, Bab 25, Bab Mā Jā’ a ‘Umirtu an ‘Uqatila al-Nās

Kalimah ini dari sudut maknanya menunjukkan semua sifat ketuhanan.

Menurut Fakhr al-Dīn al-Rāzī, pendapat yang mengatakan *al-Ism al-A'żam* ialah *al-Jalāl wa al-Ikrām* adalah pendapat yang lemah. Ini kerana *al-Jalāl* mengisyaratkan kepada sifat-sifat penafian (*al-salbiyyah*), manakala *al-Ikrām* pula mengisyaratkan kepada sifat-sifat tambahan (*al-Idāfiyyah*). Sedangkan hakikat Allah SWT yang khusus berbeza dengan sifat-sifat *al-salbiyyah* dan *al-Idāfiyyah*.<sup>98</sup>

**Pendapat kelima** mengatakan bahawa *al-Ism al-A'żam* ialah huruf yang disebut pada awal surah-surah al-Qur'an yang dikenali dengan huruf-huruf terputus (*al-ḥurūf al-muqāṭṭa 'ah*). Fakhr al-Dīn al-Rāzī membawa dua dalil bagi menyokong pendapat ini seperti berikut,

Riwayat dari 'Ali r.a. bahawa, apabila beliau menghadapi kesulitan maka beliau akan berdoa dengan menyebut *kaf ha ya 'ayn ṣad*<sup>99</sup> dan *ha mim 'ayn sin qaf*<sup>100</sup>. Kata Sa'īd bin Jubayr, huruf-huruf ini setelah disusun, misalnya *alif lam ra*<sup>101</sup>, *ha mim*<sup>102</sup>, *nun*<sup>103</sup>, ia membawa maksud *al-Raḥmān*. Manakala sebahagiannya lagi tidak diketahui maksudnya, *al-Ism Allāh al-A'żam* terdapat di dalam huruf-huruf tersebut<sup>104</sup>.

Al-Rāzī tidak menyenaraikan pendapat ini dalam kitab tafsirnya ketika membincangkan *al-Ism al-A'żam*. Ini menunjukkan pendapat ini lemah. Imām Ibn Kathīr pula membawa dua riwayat yang menunjukkan *al-ḥurūf al-muqāṭṭa 'ah* adalah *al-Ism al-A'żam*. Pertama, riwayat daripada *al-Ṭabarī* (m. 310 H) yang membawa riwayat daripada *Shu'bah*, dimana dia bertanya kepada al-Suddī tentang *al-ḥurūf al-muqāṭṭa 'ah* yang terdapat di awal surah, lalu beliau menjawab, kata Ibn 'Abbas, “ ia

---

Hattā Yaqūl lā ilaha illā Allāh, no. 2606. Beliau mengatakan hadith ini *Hasan Ṣaḥīḥ*. Lihat Abū 'Isa Muḥammad bin 'Isā bin Sawrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, ed. Ahmad Muḥammad Shākir dan rakan-rakan (Kaherah: Sharikah Maktabah Wa Matba'ah Mustafā al-Bābī al-Halabi, 1975), 5:717.

<sup>98</sup> Al-Rāzī, *Mafātīḥ al-Ghayb*, 1:110.

<sup>99</sup> Maryam 19:1

<sup>100</sup> Al-Shūrā 42: 1-2.

<sup>101</sup> Yūnus 10:1

<sup>102</sup> Ghāfir 40:1

<sup>103</sup> Al-Qalām 68:1

<sup>104</sup> Al-Rāzī, *Lawāmi' al-Bayyināt*, 94.

adalah *al-Ism al-A‘zam*”. Riwayat kedua pula ialah daripada al-Qādī Hātim (m. 327 H), kata Shu‘bah dari al-Suddī, “Telah sampai kepada aku bahawa Ibn ‘Abbas berkata; *alif lam mim* adalah nama daripada nama-nama Allah yang Agung”.<sup>105</sup>

**Pendapat keenam** menyatakan bahawa *al-Ism al-A‘zam* ialah kalimah *Lā ilaha illā Huwa* atau *Lā ilaha illā Ant*. Fakh al-Dīn al-Rāzī menyenaraikan dua dalil bagi menguatkan pendapat ini iaitu,

Riwayat daripada Zayn al-‘Ābidīn r.a, katanya; “Aku memohon kepada Allah SWT supaya memberitahu ku *al-Ism al-A‘zam* yang apabila seseorang berdoa dengannya ia akan dimakbulkan, lalu dikatakan kepada aku di dalam tidur, sebutkanlah;

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ اللَّهَ اللَّهَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ.

Terjemahan: Ya Allah aku memohon kepada Engkau Allah Allah Allah, tiada tuhan melainkan Dia, Pemilik ‘Arash yang maha Agung.

Beliau berkata: Tidaklah aku berdoa dengannya melaikan aku lihat doa tersebut dimakbulkan”.<sup>106</sup>

Abū al-Qāsim al-Qushayrī dalam kitabnya *al-Risālah al-Qushayrī* meriwayatkan sebuah hadith yang disandarkan kepada Anas bin Mālik, dimana beliau menceritakan doa seorang peniaga yang berulang-alik antara Madinah dan Sham yang disamun dalam perjalanannya oleh penyamun. Selepas mendapat kebenaran daripada penyamun, beliau mendirikan solat empat rakaat dan berdoa tiga kali dengan doa berikut:

يَا وَدُودُ، يَا وَدُودُ، يَا ذَا الْعَرْشِ الْمَجِيدِ، يَا مُدِيدُ، يَا فَعَالُ لِمَا يُرِيدُ،  
أَسْأَلُكَ بِنُورِ وَجْهِكَ الَّذِي مَلَأَ أَرْكَانَ عَرْشِكَ، وَأَسْأَلُكَ بِقُدْرَاتِكَ الَّتِي قَدَرْتَ إِنَّمَا عَلَى  
خَلْقِكَ وَبِرَحْمَاتِكَ الَّتِي وَسَعَتْ كُلَّ شَيْءٍ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ يَا مُغْيِثُ أَعْنَبِي.

Terjemahan: Wahai Tuhan yang Maha Pengasih, wahai Tuhan yang Maha Pengasih, wahai Tuhan yang mempunyai ‘Arsh yang mulia, wahai Pemula [sesuatu], wahai Pengembali

<sup>105</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, 1:157. Lihat juga Muhammad bin Jarīr al-Tabarī, *Jāmi‘ al-Bayān ‘An Ta‘wil Ay al-Qur’ān*, ed. ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muhsin al-Turkī (Mesir: Dār Hījrah Li al-Tiba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-I‘lān, 2001), 1:206.

<sup>106</sup> Al-Rāzī, *Lawāmi‘ al-Bayyināt*, 95.

[sesuatu], wahai Pembuat apa yang dikehendaki. Aku memohon kepada Engkau, dengan cahaya Wajah Engkau yang memenuhi pelusuk ‘Arsh Engkau, dan aku memohon dengan kekuatan Engkau yang berkuasa ke atas makhluk Engkau, dan dengan rahmat Engkau yang luas meliputi setiap sesuatu, tiada tuhan yang patut disembah selain Engkau. Wahai Tuhan Yang Menolong, tolonglah aku.

Selesai sahaja daripada doanya, dia didatangi oleh malaikat daripada langit ketiga untuk menolongnya. Lalu dia pulang ke Madinah dengan selamat dan berjumpa dengan Nabi SAW lalu menceritakan apa yang berlaku kepadanya. Rasullah SAW berkata;

لَقَدْ لَقِنَكَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ أَسْمَاءَ الْحَسَنَىٰ الَّتِي إِذَا دُعِيَ بِهَا أَجَابَ وَإِذَا سُئِلَ بِهَا أَعْطَىٰ .

Terjemahan:“Sesungguhnya Allah telah menalkinkan kepada engkau nama-namanya yang indah, yang mana apabila engkau berdoa dengannya akan dimakbulkan dan jikalau engkau memohon dengannya ia akan diberikan”.<sup>107</sup>

Ringkasnya kumpulan kedua dalam kalangan ulama mengatakan bahawa *al-Ism al-A’zam* bagi Allah SWT ada berdasarkan hujah bahawa terdapat riwayat-riwayat yang menetapkannya. Dalam menentukan *al-Ism al-A’zam* ini pula mereka berbeza pandangan kepada 14 pendapat berdasarkan dalil yang mereka kemukakan<sup>108</sup>. Antara nama tersebut *Huwa*, *Allāh*, *al-Rahmān*, *al-Rahīm*, *al-Hayy*, *al-Qayyūm*, *al-Hannān*, *al-Mannān*, *Badī’ al-Samāwāt wa al-Arḍ*, *Zū al-Jalāl wa al-Ikrām* dan *Surah al-Ikhlas*. Kebanyakan ulama mentarjihkan bahawa *al-Ism al-A’zam* adalah kalimah *Allāh* berdasarkan banyak dalil yang dikemukakan. Dalil-dalil tersebut juga cukup kuat dan terselamat daripada kritikan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Imām Fakhr al-Dīn al-Rāzī.

**Pendapat ketujuh** ialah pendapat terakhir yang dikemukakan al-Rāzī yang pendapat yang menyatakan bahawa *al-Ism al-A’zam* tidak diketahui oleh makhluk Allah SWT. Terdapat banyak riwayat yang dijadikan sandaran hujah, antaranya

<sup>107</sup> Al-Rāzī, *Lawāmi‘ al-Bayyināt*, 95-96. Lihat juga, Abū al-Qasim ‘Abd al-Karim bin Hawāzin al-Qushayri, *al-Risālah al-Qushayriyyah* (Kaherah: Dār al-Salam li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, 2003), 144.

<sup>108</sup> Lihat Ahmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Dār al-Salam, 2000), 11:268-269.

dikatakan bahawa sesungguhnya Allah SWT mempunyai 4,000 nama, 1,000 tidak diketahui oleh sesiapa pun melainkan Allah SWT, 1,000 lagi tidak diketahui melainkan Allah SWT dan melaikat dan 1,000 lagi tidak diketahui oleh sesiapa pun melainkan Allah SWT, melaikat dan para nabi. Adapun 1,000 terakhir, ia diketahui oleh orang-orang mukmin, 300 daripada jumlah itu terdapat dalam kitab *al-Tawrah*, 300 dalam kitab *al-Injil*, 300 dalam kitab *al-Zabūr* dan 100 terdapat dalam al-Qur'an, 99 daripadanya adalah nyata diketahui dan satu daripadanya tersembunyi. Sesiapa mengihsa (menghafaz, memahami dan beramal dengannya) nama-nama Allah SWT ini, dia akan masuk syurga. Kata sesetengah ulama, Allah SWT merahsiakan namanya yang agung ini supaya hambaNya sentiasa menyebut semua nama-namaNya dengan harapan akan terbaca juga di lidahnya *al-Ism al-A‘zam* tersebut. Ini samalah dengan Allah merahsiakan *al-Šalat al-wuṣṭā* dari ibadat solat dan malam *Laylat al-Qadr*.<sup>109</sup>

Berdasarkan perbincangan yang telah dibentangkan, al-Rāzī mentarjihkan bahawa *al-Ism al-A‘zam* bagi Allah SWT adalah kalimah *Allāh*. Menurutnya pandangan ini lebih hampir kepada kebenaran, sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini.

Pada pendapat penulis, **hujah kedua** menguatkan lagi pendapat beliau iaitu dalil-dalil yang menyokong tarjihan beliau. Dalil ini lebih banyak dan lebih mantap jika dibandingkan dengan dalil-dalil yang mengisbatkan nama-nama yang lain sebagai *al-Ism al-A‘zam*. Dalil ini juga terselamat daripada kritikan dan sanggahan penyokong pendapat lain. Tarjihan beliau ini selari dengan pendapat ulama salaf dan khalaf. Antaranya al-Zajjāj, al-Ghazālī, al-Qurtubī<sup>110</sup> dan al-Šāwi<sup>111</sup>.

## Penutup

*Al-Ism al-A‘zam* bagi Allah SWT adalah merujuk kepada nama-nama Allah SWT yang mempunyai kelebihan dan keistimewaan

<sup>109</sup> Al-Rāzī, *Lawāmi‘ al-Bayyināt*, 96.

<sup>110</sup> Al-Qurtubī berkata: "Dan tidak ada khilaf di kalangan ulama bahawa nama ini (*Allāh*) adalah yang nama paling agung dari *al-Asmā' al-Husnā*. Lihat Muhammad bin Ahmad al-Anṣārī al-Qurtubī, *Al-Asnā fi Sharḥ Asmā' Allāh al-Husnā wa Sifātih*, ed. 'Irfān Bin Salim (Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah, 2008), 273.

<sup>111</sup> Ahmad bin Muhammad al-Malikī al-Šāwī, *Sharḥ al-Šāwī ‘Alā Jawharah al-Tawhīd*, ed. 'Abd al-Fattāḥ al-Bazam (Damsyik: Dār Ibn Kathīr, 1997), 208.

tersendiri. Topik perbincangan *al-Ism al-A'zam* yang merupakan lanjutan perbincangan *al-Asmā'* *al-Husnā*, dianggap sebagai antara tajuk penting dalam perbincangan ilmu akidah kerana ia adalah wasilah bagi mengenal Allah SWT. Dalam membincangkan isu ini, Fakhr al-Dīn al-Rāzī telah menulis topik khusus dalam kitabnya, *Lawāmi‘ al-Bayyināt Syarḥ Asmā’ Allāh Ta‘ālā wa al-Sifāt*. Pandangan beliau selari dengan pendapat para ulama silam seperti al-Zajjāj dan lain-lain. Dalam karyanya ini, beliau mengemukakan perbincangan *al-Ism al-A'zam* bagi Allah SWT dengan kemas, rapi dan tersusun. Perbincangan *al-Ism al-A'zam* yang dikemukakannya mendedahkan bahawa terdapat dua kumpulan ulama yang berbeza pendapat dalam isu ini. Kumpulan pertama menyatakan *al-Ism al-A'zam* tidak dapat ditentukan kepada nama-nama khusus dan semua *al-Asmā'* *al-Husnā* adalah *al-Ism al-A'zam* bagi Allah SWT. Kumpulan kedua pula mengatakan *al-Ism al-A'zam* itu memang ada dan mereka berbeza pendapat pula dalam menentukan secara tepat *al-Ism al-A'zam* tersebut. Antara nama-nama tersebut ialah *Huwa* (هُوَ), *Allāh*, *al-Raḥmān* *al-Raḥīm* *al-Hayyu* *al-Qayyūm*, *al-Hannān* *al-Mannān*, *Badī‘* *al-Samāwāt* *wa al-Ard*, *Zū al-Jalāl* *wa al-Ikrām* dan Surah *al-Ikhlas*. Setiap hujah yang dikemukakan oleh kedua-dua kumpulan dikemukakan oleh Fakhr al-Dīn al-Rāzī dengan baik dan jelas. Beliau mentarjihkan pandangan bahawa *al-Ism al-A'zam* ialah kalimah *Allāh* dan pandangannya selaras dengan pandangan para ulama-ulama muktabar yang terdahulu.

## Bibliografi

- ‘Abd Allāh bin Muḥammad al-Hashidī (ed.). *Al-Asmā’ wa al-Sifāt*. Jeddah: Maktabah al-Siwadi, 1993.
- Abū al-‘Alā Muḥammad ‘Abd al-Raḥman bin ‘Abd al-Raḥīm al-Mubārakfūrī,, *Tuhfah al-Ahwadī bi Sharḥ Jāmi’ al-Tirmidī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.
- Abū al-Su‘ūd al-‘Imādī, Muḥammad bin Muḥammad bin Muṣṭafā. *Irshād al-‘Aql al-Salīm ila Mazāyā al-Kitāb al-Karīm*. Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.
- Abū Shuhbah, Muḥammad bin Muḥammad. *Al-Waṣīṭ fi ‘Ulūm wa Musṭālah al-Hadīth*. T.tp.: Dār al-Fikr al-‘Arabī, t.t.
- Al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar. *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Riyadh: Dār al-Salam, 2000.

- Al-Baghdādī, ‘Abd al-Qāhir bin Tāhir. *Al-Farq Bayna al-Firāq wa Bayān al-Firqah al-Nājiyah*. Beirut: Dār al-Afāq al-Jadīdah, 1977.
- Al-Dhdhahabi, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad. *Siyār A‘lām al-Nubalā’*. Kaherah: Dār al-Hadīth, 2006.
- Al-Dāwudī, Muḥammad bin ‘Alī. *Ṭabaqāt al-Mufassirīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.
- Al-Khaṭṭabī, Abu Sulaymān Ḥamid bin Muḥammad. *Sha‘n al-Du‘ā’*, ed. Aḥmad Yusūf al-Daqqāq. Damsyik: Dār al-Thaqāfah al-‘Arabiyyah, 1992.
- Al-Nawāwī, Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharf. *Sharḥ al-Nawawī ‘alā Muslim*, Bāb fi Asmā’ Allāh Ta‘ālā wa Faḍl Man Ahṣahā, no Hadith 2677. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1971. Maktabah Shamilah.
- Al-Qiftī, Jamāl al-Dīn Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Yūsuf. *Akhbār al-‘Ulamā’ bi Akhyār al-Hukamā’*, ed. Ibrāhīm Shams al-Dīn. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2005.
- Al-Qushayrī, Abū al-Qasim ‘Abd al-Karīm bin Ḥawāzin. *Al-Risālah al-Qushayriyyah*. Kaherah: Dār al-Salam li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, 2003.
- Al-Qurṭubī, Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī. *Al-Asnā fi Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā wa Ṣifātih*, ed. ‘Irfān bin Salim. Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah, 2008.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Muḥammad bin ‘Umar bin al-Ḥasan. *Mafātīḥ al-Ghayb*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1999.
- Al-Safadayy, Ṣalāḥ al-Dīn Khalil bin Aybak bin ‘Abd Allāh. *Al-Wāfi bi al-Wafayāt*, ed. Aḥmad al-Arnā’ut. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth, 2000.
- Al-Shahrastāni, Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm. *Al-Milal wa al-Nihāl*, ed. Muḥammad Farīd. Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah, t.t.
- Al-Ṣāwī, Aḥmad bin Muḥammad al-Malikī. *Sharḥ al-Ṣāwī ‘alā Jawharah al-Tawhīd*, ed. ‘Abd al-Fattāḥ al-Bazām. Damsyik: Dār Ibn Kathīr, 1997.
- Kamus Dewan*, ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Putaka, 2007.

- Al-Suyūtī, Abū al-Faḍl ‘Abd al-Rahmān bin Abū Bakr. *Tabaqāt al-Mufassirīn*, ed. ‘Alī Muḥammad ‘Umar. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1396.
- Al-Suyūtī, Abū al-Faḍl ‘Abd al-Rahmān bin Abū Bakr. *Al-Durr al-Munazzam fi al-Ism al-‘Azam, al-Hāwī li al-Fatāwa*. Beirut: Dār al-Fikr li al-Tibā‘at wa al-Nashr, 2004.
- Al-Tirmidhī, Muḥammad bin Saurah bin ‘Isā. *Sunan al-Tirmidhī*, kitab al-Da‘awat, Bab 65, no. Hadith 3478 ed. Ibrahim ‘Itwah ‘Iwaḍ. Kaherah: Sharikah Maktabah wa Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1975.
- Al-Ṭabarī, Muḥammad bin Jarīr. *Jāmi‘ al-Bayān ‘An Ta’wil Ay al-Qur’ān*, ed. ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muhsin al-Turkī. Mesir: Dār Hījrah Li al-Tibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-I‘lān, 2001.
- Al-Tirmidhī, Abū ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Sawrah. *Sunan al-Tirmidhī*, ed. Aḥmad Muḥammad Shākir, et al. Kaherah: Sharikah Maktabah wa Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1975.
- Al-Zajjāj, Abū Ishāq Ibrāhīm bin Muḥammad. *Tafsīr Asmā’ Allāh al-Husnā*, ed. Aḥmad Yusūf al-Daqqāq. Damsyik: Dār al-Thaqāfah al-‘Arabiyyah, 1974.
- Hāji Khalifah, Muṣṭafā bin ‘Abd Allāh. *Kashf al-Ζunūn ‘an Asāmi al-Kutub wa al-Funūn*. Baghdad: Maktabah al-Mathna, 1941.
- Ibn al-Athīr, ‘Ali bin Muḥammad. *Al-Kāmil fi al-Tārīkh*, ed. ‘Umar ‘Abd al-Salam. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1997.
- Ibn Qādī Shuhbah, Abū Bakr bin Aḥmad bin Muḥammad. *Tabaqāt al-Shāfi‘iyah*, ed. al-Hāfiẓ ‘Abd al-‘Alīm Khān. Beirut: ‘Alam al-Kutub, 1986.
- Ibn Kathīr, Abu Al-Fiḍā’ ‘Imād Isma‘il bin Umar. *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, ed. ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muhsin al-Turkī. Gaiza: Dār Hījrah li al-Tibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-I‘lān, 1997.
- Ibn Kathīr, Abu Al-Fiḍā’ ‘Imād al-Dīn Ismā‘il bin ‘Umar. *Tabaqāt al-Fuqahā’ al-Shāfi‘iyīn*, ed. ‘Anwār al-Bāz . Mansurah: Dār al-Wafā’, 2004.
- Ibn Khaldun, ‘Abd al-Rahmān bin Muḥammad bin Muḥammad. *Dīwān al-Mubtadā’ wa al-Khabar fī Tārīkh al-‘Arab wa al-Barbar wa ‘Āṣarahum min Dhawī al-Sha‘n al-Akbar*, ed. Khalil Shahadah. Beirut: Dār al-Fikr, 1988.

- Kamus Dewan*. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Putaka, 2007.
- Kahālah, ‘Umar bin Riqā. *Mu‘jam al-Muallifīn*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1957), 13:20-202.
- Khalifah Ahmād bin al-Qāsim bin. ‘Uyūn al-Anbā’ fi Ṭabaqāt al-Atibbā’, ed. Nazar Rida. Beirut: Dār Maktabah al-Ḥayah, t.t.
- Khalīf, Fath Allāh. *Fakhr al-Dīn al-Rāzī*. T.tp.: Dār al-Ma‘ārif, 1969.
- Ibn Khallikān, Ahmād bin Muḥammad. *Wafayāt al-A‘yān wa Anbā’ Abnā’ al-Zamān*, ed. Ihsan ‘Abbas. Beirut: Dār Ṣādir, 1994.
- Mahmud al-Ziriklī, Khayr al-Dīn bin *al-A‘lam*. Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, 2002.
- Mohd Manawi Mohd Akib. “Penghuni Syurga Menurut Pandangan Fakhr al-Dīn al-Rāzī: Tumpuan Terhadap Kitab *Mafatīh al-Ghayb*”, *Jurnal Usuluddin* 35 (Januari – Jun 2012): 25-46.
- Mujamma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah. *Al-Mu‘jam al-Wasīt*. Kaherah: Mujamma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah bi al-Qāhirah, t.t.
- Muhammad bin Ahmād bin Ḥanbal al-Shaybānī, *Musnad al-Imām Ahmād Ibn Ḥanbal*, ed. Shu‘ayb al-Arnauṭ, et al. Beirut: Mu’asasah al-Risālah, 2001
- Tāj al-Dīn bin ‘Alī bin ‘Abd al-Kāfi al-Subkī, *Ṭabaqāt al-Shāfi‘iyyah al-Kubrā*, ed. Maḥmūd Muḥammad al-Tinahi. T.tp.: Hijr li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1992.